



DR 3 TAHUN 2014  
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS  
PENGAL KEDUA

LAPORAN  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS

**PENGURUSAN KEHILANGAN ASET KERAJAAN**





**LAPORAN**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**

| <u>BIL</u> | <u>PERKARA</u>  | <u>MUKASURAT</u> |
|------------|---|------------------|
| 1.         | Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Terhadap Pengurusan Kehilangan Aset Kerajaan | 1                |
| 2.         | Pandangan & Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara                                     | 12               |
| 3.         | Agenda Mesyuarat  |                  |
|            | a. Bilangan 10/2014 pada 26 Mac 2014  | 14               |
| 4.         | Laporan Prosiding   |                  |
|            | a. Bilangan 10/2014 pada 26 Mac 2014  |                  |
| 5.         | Dokumen Pembentangan  |                  |



**LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA  
WANG NEGARA**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
TERHADAP PENGURUSAN KEHILANGAN ASET  
DI POLIS DIRAJA MALAYSIA  
RABU, 26 MAC 2014**

**1. LATAR BELAKANG**

Aset Kerajaan atau barang-barang awam adalah harta benda kepunyaan atau milikan di bawah kawalan Kerajaan yang diklasifikasikan seperti aset alih, aset tidak alih, aset hidup dan aset intelek. Kerajaan komited untuk memberikan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat melalui penyediaan aset yang mencukupi dan sempurna yang merupakan asas dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan juga pertumbuhan ekonomi Negara. Aset Kerajaan merupakan pelaburan Negara dan aspek penting dalam pengurusan kewangan. Pegawai Pengawal Kementerian hendaklah memastikan pengurusan aset Kerajaan dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan yang meliputi aspek penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan kehilangan dan hapus kira.

Di antara aset yang diuruskan oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) adalah seperti senjata api, gari, *walkie talkie* dan kenderaan. Pengurusan yang tidak teratur dan bersistematik boleh menyebabkan berlakunya kehilangan aset terutamanya senjata api dan gari yang boleh mengancam keselamatan awam. Kehilangan aset bermaksud aset yang tiada lagi dalam simpanan disebabkan kejadian seperti rompakan, kecurian, kemalangan, kebakaran, bencana alam, kesusutan, penipuan atau kecuaiian pegawai awam dan kehilangan aset sering dilaporkan kepada Ketua Audit Negara. Ini membebankan kedudukan kewangan di peringkat Kementerian, Jabatan dan juga boleh menjejaskan reputasi Kerajaan.

Pengurusan aset di PDRM adalah berpandukan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan, Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) Bahagian C854 - Peraturan Mengurus Kes-kes Kehilangan Dan Menghapus Kira Harta Benda Kerajaan dan PTKPN A122 - Jawatankuasa Penyiasat serta Arahan Jabatan Logistik Bilangan 62 - Laporan Awal Kehilangan Aset Kerajaan dalam menguruskan kehilangan aset. Bahagian Pengurusan Aset Jabatan Logistik dan Unit Jawatankuasa Siasatan Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman bertanggungjawab dalam pengurusan kehilangan aset PDRM. Manakala Ketua Polis Negara telah diberikan kuasa untuk menghapus kira aset yang hilang melalui P.U. (B) 285 bertarikh 6 Ogos 2009.

Berdasarkan laporan statistik kehilangan aset yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Aset Jabatan Logistik PDRM bagi tempoh 2010 hingga 2012, sebanyak 309 unit aset bernilai RM1.33 juta telah dilaporkan hilang. Jenis kehilangan aset yang tertinggi adalah gari sebanyak 156 unit dan diikuti senjata api dan kenderaan masing-masing sebanyak 44 dan 29 unit.

## **2. OBJEKTIF PERBINCANGAN OLEH JAWATANKUASA**

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara telah membincangkan isu Pengurusan Kehilangan Aset PDRM yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 (Siri 2) selaras dengan mandat yang diberi di bawah Perkara 77 Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008). Jawatankuasa telah membuat pemeriksaan terhadap perkara ini dengan tujuan:



- a. Menentukan *sample size* pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara mewakili keseluruhan kehilangan aset PDRM yang dilaporkan;
- b. Menentukan pengurusan aset oleh PDRM dilaksanakan dengan efisien dan mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- c. Memastikan kawalan dalaman diwujudkan oleh PDRM sama ada untuk memantau aset atau kehilangan aset adalah dilaksanakan mengikut peraturan atau arahan yang ditetapkan; dan
- d. Menentukan PDRM telah mengambil tindakan sewajarnya terhadap isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara.

### **3. SKOP DAN METODOLOGI**

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan seperti berikut:

- a. menjemput Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) bagi memberi penjelasan awal berhubung isu yang dibangkitkan;
- b. memanggil Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri selaku Pegawai Pengawal dan Ketua Polis Negara selaku Ketua Jabatan yang diaudit; dan
- c. menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan, Jabatan Akauntan Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

## 4. HASIL PERBINCANGAN

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh YBhg. Datuk Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara. Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu Kementerian Dalam Negeri (KDN) diwakili oleh YBhg. Dato' Mohamad Khalid bin Haji Shariff iaitu Ketua Setiausaha KDN, YDH Tan Sri Khalid bin Abu Bakar iaitu Ketua Polis Negara dan YDH Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah iaitu Pengarah Jabatan Logistik PDRM dipanggil untuk memberi keterangan. Perkara yang dibincangkan pada umumnya diringkaskan seperti berikut:

### 4.1. Penjelasan Awal oleh YBhg. Datuk Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)

YBhg. Datuk Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan) memaklumkan bahawa pengauditan yang dijalankan adalah Pengurusan Kehilangan Aset PDRM yang telah dibentangkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2 Tahun 2012 pada 1 Oktober 2013. Skop pengauditan adalah bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 yang melibatkan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan 3 Ibu Pejabat Polis Kontinjen, 10 Ibu Pejabat Polis Daerah serta 9 balai polis di negeri Johor, Selangor dan Kuala Lumpur bagi 88 kes siasatan kehilangan yang dilaporkan. Antara perkara yang dibincangkan adalah seperti berikut:

#### i. Pemilihan *Sample Size* Pengauditan

Jabatan Audit Negara memaklumkan pemilihan *sample size* bagi pengauditan Pengurusan Kehilangan Aset PDRM adalah berdasarkan bilangan kes kehilangan aset tertinggi yang berlaku di negeri dan jenis aset yang hilang khususnya aset keselamatan.

## **ii. Kelemahan Kawalan Dalaman Pengurusan Aset PDRM**

Antara kelemahan yang dibangkitkan adalah kehilangan aset lewat dikesan; kelewatan melaporkan kehilangan kepada Ketua Jabatan dan Polis; Ketua Jabatan lewat menyediakan Laporan Awal Kehilangan Aset; Jawatankuasa Penyiasat kes kehilangan lewat ditubuhkan; Jawatankuasa Penyiasat lewat menyediakan Laporan Akhir Kehilangan; dan kelewatan mengambil tindakan di peringkat Kotinjen setelah kelulusan hapus kira oleh Kuasa Melulus. Ini antaranya disebabkan kekangan kakitangan menguruskan aset, kekurangan latihan menguruskan aset dan ruang tempat penyimpanan aset tidak disediakan atau terhad/sempit. Kelemahan ini menyebabkan kelewatan bagi memutuskan tindakan pelupusan, tindakan syor surcaj, tindakan tatatertib terhadap pegawai yang bertanggungjawab dan sebagainya.

## **4.2. Penerangan Kementerian Dalam Negeri dan PDRM Terhadap Isu Yang Dibangkitkan**

### **4.2.1. Penerangan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri**

YBhg. Dato' KSU menjelaskan berdasarkan Laporan Audit kelemahan boleh dirumuskan dalam 2 aspek utama iaitu:

- a. melibatkan kelemahan dari aspek ketidakpatuhan proses kerja.
- b. kekurangan fasiliti dan kemudahan penyimpanan aset.

Pihak KDN mengakui memang terdapat kelemahan dalam menguruskan aset. Pihak KDN dan juga PDRM telah mengambil tindakan susulan yang melibatkan pencegahan dan juga tindakan

punitif. Proses ini telah diambil tindakan dan sekarang dalam proses pelaksanaan.

#### **4.2.2 Penerangan Oleh Ketua Polis Negara**

YDH Tan Sri Ketua Polis Negara mengakui kelemahan yang berlaku di pihak PDRM khususnya dalam pengurusan aset yang telah dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara. Kelemahan dalam pengurusan kehilangan aset disebabkan 2 faktor utama iaitu kelemahan aspek kemanusiaan dan kekurangan kemudahan. Pelbagai langkah telah diambil oleh PDRM bagi memastikan perkara ini diambil tindakan dan tidak berulang.

a. **Tindakan Pembetulan** telah diambil seperti berikut:

- i. pendaftaran rekod Unit Jawatankuasa Penyiasat (CE) dan Bahagian Pengurusan Aset telah diselaraskan;
- ii. percanggahan rekod Unit CE dan Laporan Audit telah dikemaskini;
- iii. bengkel SOP Kehilangan Aset PDRM telah diadakan dan digariskan;
- iv. Sistem Kehilangan Aset PDRM iaitu *PDRM Asset Loss Monitoring System* (PALMS) telah dibangunkan dan dalam peringkat untuk melatih pengguna-pengguna di seluruh kontinjen;
- v. pemantapan Unit CE dengan menaik taraf jawatan daripada ASP kepada DSP;

- vi. penetapan/penambahan *Desk Officer* bagi Unit CE; dan
  - vii. pemantauan harian dan pemeriksaan aset secara berkala dijalankan melalui sistem PALMS.
- b. Selain itu, tindakan pembetulan yang sedang dilakukan adalah menjadikan isu kehilangan aset sebagai agenda tetap dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Logistik dan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) yang dipengerusikan oleh Ketua Polis Negara yang diadakan 4 kali setahun.
- c. Semua Kontinjen dan Formasi juga membuat pemeriksaan fizikal seperti kehendak peraturan yang ditetapkan.
- d. Pelaporan berkala mengenai status kes kehilangan aset dan tindakan surcaj/gantirugi serta hapus kira hendaklah dimasukkan sebagai agenda mesyuarat untuk pemantauan berterusan.
- e. Arahan Pentadbiran PDRM telah dikeluarkan semula sebagai peringatan.
- f. **Tindakan Pencegahan** yang sedang dilaksanakan oleh PDRM adalah seperti berikut:
- i. PDRM telah membangunkan sistem PALMS dan telah beroperasi mulai 2 Januari 2014. Kursus (TOT) PALMS telah dijalankan pada 5 dan 6 Mac 2014 peringkat PDRM

melibatkan 100 anggota. *Road show* peringkat kontinjen bermula pada bulan April 2014 sehingga selesai;

- ii. PDRM telah menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi mewujudkan SOP Pengurusan Kehilangan Aset di mana ia berada dalam peringkat terakhir untuk *endorsement*;
  - iii. PDRM telah menubuhkan Jawatankuasa Penambahbaikan Pengurusan dan Penggunaan Senjata Api;
  - iv. Pengurusan PDRM (CE) telah melantik *Desk Officer* iaitu 1 DSP, 1 ASP dan 1 Inspektor untuk memantau secara harian; dan
  - v. PDRM telah mengguna pakai Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (mySPATA) dan Sistem Pengurusan Aset (mySPA) yang dibangunkan oleh Kerajaan.
- g. Bagi mengatasi kelemahan dari aspek ketidakpatuhan proses kerja, **Tindakan Punitif** telah dilaksanakan seperti berikut:
- i. tindakan disiplin/tatatertib diambil terhadap mereka yang gagal mematuhi/melaksanakan arahan dan peraturan yang ditetapkan. Daripada jumlah 87 kes dilaporkan, 54 kes telah diputuskan untuk dikenakan tindakan tatatertib;
  - ii. tindakan tatatertib adalah dari aspek hukuman buang kerja atau turun pangkat untuk kehilangan senjata api akan diambil di bawah Peraturan 37 Peraturan-peraturan

Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993 (Pindaan 2002); dan

- iii. kutipan surcaj/ganti rugi yang telah dikutip adalah sejumlah RM29,439.44. (Baki sedang dalam kutipan dan ada juga yang dalam proses rayuan)
  
- h. **Bagi mengatasi masalah kekurangan Fasiliti dan Kemudahan Penyimpanan Aset, Tindakan Pencegahan** yang telah dilaksanakan bagi penyediaan ruang penyimpanan item keselamatan yang sesuai dan selamat adalah seperti mana berikut:
  - i. bangunan/stor;
    - Setiap stor senjata api di semua IPD baharu telah dilengkapi dengan kad akses elektronik dan CCTV.
    - IPD lama dalam proses untuk penambahbaikan (pagar, CCTV dan kad akses elektronik).
  
  - ii. pembangunan Sistem Pengurusan Senjata Api;
  
  - iii. pembangunan Sistem PALMS;
  
  - iv. pemasangan CCTV; dan
  
  - v. menyediakan kabinet dan rak untuk kemudahan penyimpanan.

- i. PDRM memaklumkan 60% kenderaan operasi *Mobile Patrol Vehicle (MPV)* telah mencapai usia jangka hayatnya dan akan mencapai 100% pada tahun hadapan. Dengan kekangan peruntukan sedia ada PDRM telah melaksanakan kerja penyenggaraan bagi memastikan penugasan anggota berjalan seperti biasa. PDRM telah mencadangkan kaedah penyewaan kereta untuk pertimbangan pihak Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan.

## **5. Rumusan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara**

YB Datuk Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara berterima kasih kepada YBhg. Dato' Mohamad Khalid bin Haji Shariff (KSU KDN) dan YDH Tan Sri Khalid bin Abu Bakar (KPN) kerana sudi hadir memberikan penjelasan dan menyatakan pihak Jawatankuasa telah berpuas hati dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh PDRM.

## **6. Syor Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara**

6.1 Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, ahli PAC mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:

- i. Penambahbaikan oleh pihak PDRM perlu dibuat ke atas pengurusan aset secara kesuluruhannya (*Total Asset Management*) dan bukan hanya tertumpu kepada pengurusan kehilangan aset kerana Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan Perakaunan Secara Akruan (*Accrual Accounting*) bermula pada 1 Januari 2015;
- ii. Memastikan sistem yang dibangunkan oleh pihak PDRM mempunyai *audit trail* supaya setiap aktiviti yang dibuat dalam sistem dapat dijejaki;



- iii. Pihak PDRM perlu mewujudkan suasana *fear of being audited* supaya sistem *check and balance* dapat meningkatkan tahap pengurusan kewangannya;
- iv. Meminta Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan susulan terhadap langkah penambahbaikan terhadap pengurusan aset secara umumnya dan pengurusan kehilangan aset secara khususnya yang telah dan sedang diambil oleh pihak PDRM; dan
- v. Meminta agar pihak Kerajaan mempertimbangkan supaya perolehan kenderaan operasi PDRM yang baru dibuat secara sewaan memandangkan ia lebih menjimatkan dalam tempoh jangka masa panjang berikutan masalah kenderaan operasi PDRM yang telah berusia.

### **Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara**



**RUMUSAN & SYOR  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**



**RUMUSAN & SYOR**  
**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

| PARA    | RUMUSAN & SYOR  |
|---------|---|
| 5.0     | YB Datuk Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara berterima kasih kepada YBhg. Dato' Mohamad Khalid bin Haji Shariff (KSU KDN) dan YDH Tan Sri Khalid bin Abu Bakar (KPN) kerana sudi hadir memberikan penjelasan dan menyatakan pihak Jawatankuasa telah berpuas hati dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh PDRM. |
| 6.1.i   | Penambahbaikan oleh pihak PDRM perlu dibuat ke atas pengurusan aset secara keseluruhannya ( <i>Total Asset Management</i> ) dan bukan hanya tertumpu kepada pengurusan kehilangan aset kerana Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan Perakaunan Secara Akruan ( <i>Accrual Accounting</i> ) bermula pada 1 Januari 2015.        |
| 6.1.ii  | Memastikan sistem yang dibangunkan oleh pihak PDRM mempunyai <i>audit trail</i> supaya setiap aktiviti yang dibuat dalam sistem dapat dijejaki;   |
| 6.1.iii | Pihak PDRM perlu mewujudkan suasana <i>fear of being audited</i> supaya sistem <i>check and balance</i> dapat meningkatkan tahap pengurusan kewangannya;  |
| 6.1.iv  | Meminta Jabatan Audit Negara untuk melaksanakan pengauditan susulan terhadap langkah penambahbaikan terhadap pengurusan aset secara umumnya dan pengurusan kehilangan aset secara khususnya yang telah dan sedang diambil oleh pihak PDRM; dan  |

| PARA  | RUMUSAN & SYOR  |
|-------|---|
| 6.1.v | Meminta agar pihak Kerajaan mempertimbangkan supaya perolehan kenderaan operasi PDRM yang baru dibuat secara sewaan memandangkan ia lebih menjimatkan dalam tempoh jangka masa panjang berikutan masalah kenderaan operasi PDRM yang telah berusia. |

**AGENDA MESYUARAT  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA**





**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BIL 10/2014 PADA RABU 26 MAC 2014  
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN**

| <b>TARIKH / HARI /<br/>MASA</b>                   | <b>PERKARA</b>                                 | <b>KEMENTERIAN/<br/>JABATAN/<br/>AGENSI TERLIBAT</b>                        |
|---|--|---|
| <b>26 Mac 2014<br/>(Rabu)<br/><br/>11.00 pagi</b> | <b>Pengurusan Kehilangan Aset<br/>Kerajaan</b> | <b>Kementerian<br/>Dalam Negeri<br/>&amp;<br/>Polis DiRaja<br/>Malaysia</b> |



# LAPORAN PROSIDING



---

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA  
RABU, 26 MAC 2014**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed - *Pengerusi*  
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] - *Timbalan Pengerusi.*  
YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]  
YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]  
YB. Datuk Chua Tee Yong [Labis]  
YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]  
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]  
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]  
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]  
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]  
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [Dengan Maaf]**

YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]  
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]  
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]  
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]

**URUS SETIA**

Encik Che Seman Pa Chik [Setiausaha Bahagian, Pengurusan Dewan]  
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Mohd. Ikram bin Seri @ Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan  
(Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Nasrul Izani bin Ramli [Penolong Setiausaha Kanan (Perundangan dan Prosiding)]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Audit Negara**

YBhg. Datuk Haji Anwar bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]  
Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]  
Encik Chiew Koh Chon [Timbalan Pengarah]  
Puan Rahidah binti Ruslan [Juruaudit]  
Encik Muhammad Iskandar bin Abdul Razak [Juruaudit]  
Encik Muhammad Zhafri bin Zainudini [Juruaudit]

samb/-

---

**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Encik Mohd Azraie Bin Harun [Ketua Unit Integriti]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Maslina Kamarudin [Ketua Penolong Pengarah]

**Kementerian Kewangan**

YBhg. Dato' Noorrizan binti Shafie [Setiausaha Bahagian Pengurusan Aset Awam]

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian Strategi Korporat]

Encik Megat Azleen bin Megat Ramli [Ketua Seksyen Pengurusan Aset, KS(A)]

Encik Dzulhilmi Dzulkarnain [Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Kawalan dan Pemantauan]

**SAKSI-SAKSI****Kementerian Dalam Negeri**

YBhg. Dato' Mohamad Khalid bin Haji Shariff [Ketua Setiausaha]

YBhg. Dato' Daud bin Tahir [Timbalan Ketua Setiausaha Kanan (Pengurusan)]

YBhg. Dato' Wan Ali bin Besar [Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan]

YBhg. Dato' Nor Ashikin binti Haji Md Salim [Setiausaha Bahagian Kewangan]

Puan Attia Azarina binti Amirludin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kewangan)]

Puan Fatimah Nazaliza Mohd Nasir [Penolong Setiausaha (Bahagian Kewangan)]

**Polis Diraja Malaysia**

YABhg. Tan Sri Khalid bin Abu Bakar [Ketua Polis Negara]

YBhg. Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah [Pengarah Jabatan Logistik]

YBhg. Dato' Abdul Ghafar bin Rajab [Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran)]

YBhg. Dato' Seri Mohamad Fuzi bin Harun [Pengarah Jabatan Pengurusan]

Tuan DSP Puspanathan Wiresingam [Unit Aset]

Tuan DSP Mohd. Ismail bin Muslim [Unit Jawatankuasa Siasatan]

Encik Fadzli bin Mat Isa [Unit Jawatankuasa Siasatan]

Encik Abdul Rahman Mad Hashim [Teknologi Maklumat]

Encik Khairi Azwan bin Mustafa Kamal [Unit Jawatankuasa Siasatan]

---

**LAPORAN PROSIDING****MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Rabu, 26 Mac 2014****Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.13 pagi***[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Tuan Pengerusi:** Jadi, selamat pagi Timbalan Pengerusi Jawatankuasa PAC, Datuk Haji Anwari serta pasukan daripada Jabatan Audit Negara. Pada hari ini, PAC akan bermesyuarat khusus untuk mendengar keterangan daripada Kementerian Dalam Negeri mengenai pengurusan kehilangan aset kerajaan dalam Polis Diraja Malaysia. Jadi, kuorum sudah cukup. Okey, jadi tanpa melengahkan masa, saya minta Datuk Haji Anwari untuk memberikan kita sedikit *background* mengenai perkara ini.

**11.14 pg.**

**Datuk Haji Anwari bin Suri [Timbalan Ketua Audit Negara (Persekutuan)]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi, salam 1Malaysia. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerusi PAC, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Timbalan Pengerusi PAC, Dato'-Dato', Ahli-ahli PAC...

**Tuan Pengerusi:** Datuk, kuat sedikit Datuk.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Wakil daripada kementerian dan jabatan, Dato' Noorizan binti Shafie daripada Kementerian Kewangan, juga pegawai-pegawai daripada Jabatan Audit Negara sekalian.

Jadi, kajian yang telah kami jalankan adalah pengurusan kehilangan aset di Polis Diraja Malaysia (PDRM). Aset kerajaan atau barang-barang awam ialah harta benda kepunyaan atau milikan di bawah kawalan kerajaan yang diklasifikasikan seperti aset alih, aset tidak alih, aset hidup dan aset intelek. Kerajaan komited untuk memberikan perkhidmatan berkualiti kepada rakyat melalui penyediaan aset yang mencukupi dan sempurna yang merupakan asas dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan dan juga pertumbuhan ekonomi negara. Aset kerajaan merupakan pelaburan negara dan aspek penting dalam pengurusan kewangan. Jadi pegawai pengawal kementerian hendaklah memastikan pengurusan aset kerajaan dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan yang meliputi aspek penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan, pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan kehilangan dan hapus kira.

Jadi, dalam kajian yang kita jalankan adalah mengenai aspek kehilangan. So, antara aset yang diuruskan oleh PDRM seperti senjata api, gari, *walkie-talkie* dan kenderaan. Jadi, pengurusan aset yang tidak teratur dan bersistematik boleh menyebabkan berlakunya kehilangan aset terutamanya senjata api dan gari yang boleh mengancam keselamatan awam. Bilangan aset bermaksud aset yang tiada lagi dalam simpanan disebabkan kejadian seperti rompakan, kecurian, kemalangan, kebakaran, bencana alam, kesusutan, penipuan atau kecuaiannya pegawai awam dan kehilangan aset sering dilaporkan kepada Ketua Audit Negara. Ini membebankan kedudukan kewangan di peringkat kementerian, jabatan dan juga boleh menjejaskan reputasi kerajaan.

Di dalam PDRM, mereka berpandukan kepada Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan untuk menguruskan kehilangan aset. Selain itu, PDRM antaranya mengguna pakai Perintah Tetap Ketua Polis Negara Bahagian C854 Peraturan Mengurus Kes-kes Kehilangan dan Menghapus Kira Harta Benda Kerajaan dan Jawatankuasa Penyiasat dan Arahan Jabatan Logistik Bilangan 62, Laporan Awal Kehilangan Aset Kerajaan dalam menguruskan kehilangan aset. Bahagian Pengurusan Aset Jabatan Logistik dan Unit Jawatankuasa Siasatan Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman bertanggungjawab dalam pengurusan kehilangan aset PDRM. Manakala Ketua Polis Negara, Timbalan Ketua Polis Negara telah diberikan kuasa untuk menghapus kira aset yang hilang melalui P.U. (B)285 bertarikh 6 Ogos 2009.

Berdasarkan laporan statistik kehilangan aset yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Aset Jabatan Logistik PDRM bagi tempoh 2009 sehingga 2012, sebanyak 309 unit aset bernilai RM1.33 juta telah dilaporkan hilang dan jenis kehilangan aset yang tertinggi adalah gari sebanyak 156 unit dan diikuti dengan 44 senjata api dan 29 kenderaan.

**Tuan Pengerusi:** Datuk, sampel saiz itu besar mana? Sampel saiz yang didapati atau adakah ini keseluruhan ataupun pakai sampel?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Ini keseluruhan. Ini yang...

**Tuan Pengerusi:** Ini keseluruhan ya? Bukan...

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Keseluruhan ini.

**Tuan Pengerusi:** Satu Malaysia ya?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Okey, yang tertinggi adalah di Selangor, ada 35 kes. Kedua, di Pulau Pinang, ada 2 kes. Ketiga, Johor 23 kes dan Kuala Lumpur samalah, 23 kes. Namun begitu ada juga kes-kes kehilangan berlaku di Komando 69 Ulu Kinta satu kes, PLPGA Ulu Kinta satu kes, PULAPOL dua kes, Briged Sabah PGA dua kes, Briged Utara PGA tiga kes. Objektif pengauditan kami adalah untuk menilai sama ada pengurusan kehilangan set telah diuruskan dengan teratur, cekap dan berhemah bagi mencapai objektif yang telah di tetapkan.



**Tuan Pengerusi:** Datuk, satu lagi soalan. Kehilangan dan apa semua ini adalah berdasarkan 100% audit? *You physically checkkah* ataupun...

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *So, daripada sample Audit...*

**Tuan Pengerusi:** *You check company, record tulis sahaja?*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *So, pengauditan telah dijalankan di Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia Bukit Aman, satu, tiga Ibu Pejabat Polis Kontinjen di Kuala Lumpur, Selangor dan Johor serta sepuluh Ibu Pejabat Daerah (IPD) dan sembilan balai polis di bawah tanggungjawab tiga IPK yang dipilih. Ini sampel yang kita...*

**Tuan Pengerusi:** *Akan tetapi ini physical count?*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Saya seterusnya menjemput Encik Chiew untuk membentangkan isu-isu yang lebih mendalam mengenai isu kehilangan aset. Terima kasih.

■1120

**Encik Chiew Koh Chon [Timbalan Pengarah]:** Selamat pagi, salam sejahtera, dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Tuan Pengerusi PAC, Yang Berhormat Datuk Seri, Dato'-Dato', tuan-tuan, dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Sekarang saya meneruskan taklimat berkenaan dengan kajian Jabatan Audit berkenaan pengurusan kehilangan aset di PDRM. Untuk makluman Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, *actually* skop kita, kita meliputi *the total number of* kehilangan aset bagi tempoh tahun 2010 hingga 2012 adalah 309. Itu bilangan bil ini.

*Then, the whole country that is 309, our scope bertumpu to Bukit Aman Headquarters* di mana dia ada urus setia untuk menguruskan kehilangan di Bukit Aman dan juga kita pilih tiga IPK. IPK yang kami pilih adalah negeri Johor, Selangor dan Kuala Lumpur. *Then* dalam tiga IPK itu, *we covered ten IPDs. Then in ten IPDs, we cover nine* balai polis, okey. Kehilangan bilangan 309, okey. *That is the* bilangan kehilangan aset itu tetapi dalam kita punya skop, kita pergi lawat tiga IPK dan IPD ini, *we tumpu to 88 kes siasatan. We made other* laporan kehilangan, okey. *Then, our finding here is based on our siasatan on the 88 kes* di mana kami jalankan di tiga IPK dan juga sepuluh IPD dan sembilan buah balai polis.

**Tuan Pengerusi:** Oleh sebab itu soalan saya, saya tanya tadi satu, besar mana *sample size you?* Kedua, *you* buat *physical count*kah atau tidak? Akan tetapi sekarang ini *you* cakap *you* hanya tumpu kepada seberapa sahaja dan juga kepada kes sahaja. Maknanya kepada *paper* punya auditlah, *not physical count*.

**Encik Chiew Koh Chon:** Oleh sebab ini semua kehilangan. *We covered* pengurusan kehilangan.

*At the time the asset hilang, how they manage the kehilangan dari segi what they suppose to do. They have to do the laporan, they have to make the police report and so on. We do not do the physical count sebab the asset is all hilang. We lihat the pengurusan kehilangan aset sahaja.*

**Tuan Pengerusi:** *So you do not actually know whether the kehilangan is actually more than what is reported or not?*

**Encik Chiew Koh Chon:** *Yes. That is why even the figure as we reported here actually they are disputing also. When the figure we expected from the Bukit Aman, there are discrepancy between the IPK that we audited.*

**Tuan Pengerusi:** *Okeylah. Discrepancy- more or less? Sometimes it's more and sometimes less, for example. Okay, for example we see IPK Selangor. IPK Selangor for 2010, 2011, and 2012. In 2011 according to record in Bukit Aman, there are eleven cases and six selesai. Then in 2011, four and cases selesai- kosong, and in 2013, eight and zero. When we went to IPK Selangor, the statistic there is twelve and five. So, they are different. Then the eleven is four and one because the penyelesaian according to IPK they still got one case untuk selesai but according to Bukit Aman the kes selesai.*

*Then, in 2012, accordingly- cases but in KL, they mention there are only have seven cases, okay. It is because sometimes this discrepancy of record is dari segi dia punya timing because it have to report bila the asset hilang we to report serta merta. Then after that, we have to make the laporan awal, this kind of thing. So maybe dari segi the timing laporan disediakan oleh peringkat IPK and laporan diterima Dekat Bukit Aman. Maybe afterward I think they are...*

**Tuan Pengerusi:** *But the system is not centralize punya asset.*

**Encik Chiew Koh Chon:** *No! Pengurusan kehilangan aset di Bukit Aman is done manually but now they are developing a system to cater all this pengurusan kehilangan aset.*

**Tuan Pengerusi:** *The sample size itu, I think the biggest crime area is actually Selangor, KL dan Johor.*

**Encik Chiew Koh Chon:** *Okey.*

**Tuan Pengerusi:** *So, with the confidence, how many percent you think you covered this asset especially on this issue? Hhow many percent of the total asset yang ada, this asset seperti gari dan lain-lain yang you skop ini, how many percent you think you cover? Agak-agaklah. I mean, because want to determine the sample size. The two areas you choose are already correct.*

**Encik Chiew Koh Chon:** *Ya.*

**Tuan Pengerusi:** *Selangor dengan Johor. How much out of the total police asset are located in Selangor and Johor?*

**Encik Chiew Koh Chon:** *Actually, pergi kepada satu table... [Merujuk kepada paparan slaid] On the table you can see the kehilangan there. Mostly Bukit Aman, Kuala Lumpur, Selangor, Johor and Penang.*

Okey, so maybe you will asking "Eh! Why do not we pilih Penang? Penang also high". We do not pilih Penang because actually our Audit, we got limited dari segi peruntukan kewangan so we cannot covered so many IPK. We cover three, antara Johor and Penang, we do not select Penang because we analyst the statistic kehilangan mostly yang berlaku in Johor is the kehilangan senjata api. In Penang, mostly is the gari and so on. Ia bukan macam melibatkan keselamatan, kita lebih tumpu to the senjata. That is why we pilih Johor.

Just now, Yang Berhormat Tuan Pengerusi mentioned about the confidence level. Actually based on the total population yang kita kata with the 13 IPKs plus the eight formation, actually we covered- actually we are very confidence, our coverage on the IPK is quite high...

**Tuan Pengerusi:** That's mean your confident that your covering 20% to 30% of the total asset?

**Encik Chiew Koh Chon:** ...Reported kehilangan.

**Tuan Pengerusi:** Bukan, bukan! I am talking about the total numbers, absolute numbers- berapa banyak polis ada gari dan pistol?

**Encik Chiew Koh Chon:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** So bila you audit, you tengok the areas with the biggest number of that users and then you look at the how many yang hilang?

**Encik Chiew Koh Chon:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** But the sample size must big enough.

**Encik Chiew Koh Chon:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** So that your audit on the kehilangan itu will be meaningful. Kalau tidak nanti you target on areas which are not representative of the whole samples...

**Encik Chiew Koh Chon:** Correct.

**Tuan Pengerusi:** It is because outside there, the public is thinking the police is loosing their assets by just leaving it, cuailah dan sebagainya, actually it cannot be.

**Encik Chiew Koh Chon:** Ya, okey.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Tengok kepada rajah itu, Terengganu itu agaknya percentage wise tinggi itu, walaupun 19 atau berapa dari segi jumlah sebenar tetapi rasanya IPK tidak banyak di Terengganu berbanding dengan...

**Seorang Ahli:** IPD

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** IPD, ya.

**Encik Chiew Koh Chon:** Untuk makluman Yang Berhormat, actually tadi kita sebut, sebab normally kita punya audit, kita punya pemilihan skop untuk ini, kita ada pilih tiga atau empat buah negeri, sebab we cannot covered so many negeri and so on.

Ini kerana dengan kita punya peruntukan dan sebagainya *there are timing*. So, actually biasanya, *our audit, we covered either* tiga atau empat negeri yang kita buat lawatan.

**Tuan Pengerusi:** *So that is the question on- just follow up from Yang Berhormat Tumpat, an area which is actually low in proportion of number of assets. Akan tetapi kecuriannya is quite high, proportionate. So, this audit that you did is actually not representative of the total assets?*

**Encik Chiew Koh Chon:** Untuk maklumat Tuan Pengerusi, *actually you* tengok *our* skop pengauditan- *our* skop pengauditan, *our duty is* kami hendak tengok *the* pengurusan kehilangan aset. Kita bukan kata, "Mengenal pasti kehilangan", tetapi kita hendak tengok "Pengurusan Kehilangan Aset."

Mengapa kita pilih tajuk ini- "Pengurusan Kehilangan Aset di PDRM" *as a requirement by Central Regency* punya *circular*, contohnya MoF? Bila berlaku kehilangan, *they have to report, a copy sent to Treasury and sent to* Jabatan Audit Negara, so kita di peringkat Cawangan Audit di KKDN, kami selalu terima begitu banyak laporan kehilangan. *That is why* kita kata, adalah sesuai untuk kita jalankan satu pengauditan ini. So pengurusan kami ini...

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Yang Berhormat, setiap minggu saya terima berbagai-bagai kes kehilangan daripada kementerian-kementerian termasuklah di KDN dan lain-lain.

**Tuan Pengerusi:** Ini maklumat rasmi atau orang beri maklumat?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Menjadi tanggungjawab Pegawai Pengawal mengisi borang lampiran...

■1130

**Encik Chiew Koh Chon:** Dari IPK, dari IPD, dari balai, *they have to report...*

**Tuan Pengerusi:** *Oh! They have to report to you?*

**Encik Chiew Koh Chon:** *They have to report.*

**Tuan Pengerusi:** *Official report.*

**Encik Chiew Koh Chon:** *To Treasury and to* Jabatan Audit Negara.

**Tuan Pengerusi:** *But you don't receive any anonymous report from somebody else* atau apalah?

**Encik Chiew Koh Chon:** Ada banyak juga. Ada, ada, ada.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Chiew Koh Chon:** Ya, *that we have to verify. That is why our objective*, kita tengok pengurusan, *you see*. Berlaku begitu banyak kes kehilangan. So kita tidak tahu apabila berlaku ini, so *what other- because government, we have so many procedure and* peraturan tentang *the management of* pengurusan kehilangan. So, *you make sure all these are complied and then after that- because government say, you have to* tubuhkan jawatankuasa penyiasatan.

So, kita siasat, apakah kita punya tindakan preventif, apa susulan yang kita kena ambil untuk memastikan kehilangan tidak berlaku lagi. Kolektif, kita boleh ambil, kita ambil tindakan, surcaj itu boleh tetapi *most important things is*, kita hendak tengok *what corrective action, what preventive action you are going to take...?*

**Tuan Pengerusi:** *You are looking at system, management and system...*

**Encik Chiew Koh Chon:** Yes.

**Tuan Pengerusi:** *...More than actual physical lost. Okey, ada soalan?*

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya tadi, *sampling* yang dibuat itu berdasarkan apa yang telah dilaporkan. *The lost of asset at the moment, beside KDN, which kementerian that has recorded the highest lost of assets? Satu.*

Kedua, *in the case of KDN ini, what bring about some alarming matter is because of the gun, senjata, because it is more on keselamatan than valued RM1.3 million itu, and then you told that yang paling tinggi berlaku di Johor, the lost of gun ya. So can we have the breakdown which are the state that have got- because kita hendak tahu, adakah correlation atau tidak dengan kejadian-kejadian crime di negeri-negeri tersebut? Then, there is some possible reason that we can contemplate as one of the factor beside Johor.*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Jadi hendak jawab kementerian lain tadi Datuk Seri ya, saya boleh *instant* jawablah. Kementerian Kesihatan banyak kes. Kementerian Pelajaran pun. So, saya terima selalulah kes-kes kehilangan. Komputer, peralatan-peralatan ya. Untuk makluman...

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Dari segi keselamatan, MINDEF misalnya, ada *similar kind of* hilang senjatakah atau apa itu?

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Tidak adalah secara detilnya. Ada itu, ada jugalah.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** *So, that is in term of numbers or in term of the value?*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Biasanya dalam Lampiran 'J', 'K' yang dikemukakan kepada saya, dan juga kepada Kementerian Kewangan, di situ disebut, katakan "*Hospital Johor Bahru kehilangan peralatan*". Jadi dia punya nilai perolehan itu disebutkanlah. Kita akan *compile*, kumpul segala kehilangan tersebut. Jadi saya minta Ketua Cawangan membuat analisis dan jika perlu, membuat kajian dan ini hasilnya.

**Tuan Pengerusi:** Saya hendak *clear* satu benda. Jadi Jabatan Audit ini dia punya skop ialah pembelian, pendaftaran selepas itu...

**Encik Chiew Koh Chon:** *We don't cover* pembelian.

**Tuan Pengerusi:** *I know. But I am sure you look at the system, kan?*

**Encik Chiew Koh Chon:** Ya, ya.

**Tuan Pengerusi:** *So it is from pembelian, pendaftaran and then...*

**Encik Chiew Koh Chon:** *Labelling, storing...*

**Tuan Pengerusi:** *Labelling, storing, okay.*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, saya hendak tahu sebab apa kehilangan terbesar di Johor itu?

**Encik Chiew Koh Chon:** Di Johor ya? Untuk makluman Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, di negeri Johor- *that is why we said we cover the scope of year 2010 to 2012, okay.* Di negeri Johor, *in 2010*, kehilangan sembilan buah senjata api. *In 2010*, ada hilang sembilan senjata api, dua *walkie talkie*, satu kenderaan, satu buah komputer. *In 2011 dan 2012*, di Johor tidak ada kehilangan senjata api, *only in 2010*. Kehilangan senjata api *in 2010 alone in the whole country, there are 22 case of* kehilangan senjata api. Ia melibatkan dua di Kuala Lumpur, dua di Selangor, tiga di Negeri Sembilan, satu di Melaka, satu di Pahang dan tiga di Sarawak. *The total is 22. That is for the year of 2010.*

*For the year of 2011*, kehilangan senjata api meningkat *according to our audit*. Ia berlaku di Bukit Aman, Kuala Lumpur, Selangor, Kedah, *Penang*, Kelantan, Sabah, *plus the Briged PGA Sabah*, 10. *In 2012*, ia ada 12 buah senjata api yang hilang yang berlaku di Bukit Aman, Selangor, Melaka, Perak, Kedah, Perlis, Terengganu, dan Sabah dua buah, *then make up the total, 12*. Ini senjata api.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Pulau Pinang tidak ada ya?

**Encik Chiew Koh Chon:** Pulau Pinang...

**Datuk Seri Reezal Merican:** Gari sahaja yang hilang.

**Encik Chiew Koh Chon:** Pulau Pinang, senjata api ada *in 2010, one*.

**Datuk Seri Reezal Merican:** *One* sahaja.

**Encik Chiew Koh Chon:** *Only one*.

**Tuan Pengerusi:** *Okay, please continue.*

**Encik Chiew Koh Chon:** *I think this one, the slide... [Merujuk kepada paparan slaid] I can skip* sebab tadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi sudah sebut *the* kehilangan 1.33, melibatkan 309. Ini *the* pecahan, okey.

*Next- ini kenyataan akhbar, kita boleh baca akhbar what is the detail. Next.*

**Tuan Liang Teck Meng:** Maaf, yang tentang senjata api itu, contohnya pistol ataupun ada jenis-jenis lain?

**Encik Chiew Koh Chon:** *Actually* dia ada *rifle*, pistol, ada jenis-jenisnya, kita ada pecahannya... *[Disampuk] Rifle* ada.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Chiew Koh Chon:** Biasa punya.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Reezal Merican:** *The* kenderaan itu *mostly* kereta atau motosikal, *motorbike?*

**Encik Chiew Koh Chon:** *Motorbike. Kenderaan, mostly is motorbike.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *Just a matter of interest, did you estimate...? You look into the management of the asset, what is the useful life of the asset?* Sebab takut, kadang-kadang perkara ini sepatutnya aset itu sudah dilupuskan tetapi tidak lupuskan, ia masih direkodkan dalam sistem. Selepas itu ia hilang sebab orang tidak kisah sebab orang sudah tidak pakai. Benda itu disimpan, selepas itu hilang tetapi dilaporkan benda itu hilang walaupun sebenarnya *useful lifenya* sudah habis.

**Encik Chiew Koh Chon:** Untuk makluman Tuan Pengerusi, *actually* yang kita tengok kehilangan ini, *actually* semua aset ini adalah yang sedang digunakan. Sedang digunakan. Untuk makluman Ahli-ahli PAC, *actually* kami Cawangan Audit KDN, kami sedang menjalankan satu pengauditan tentang kenderaan operasi PDRM. *So we are covers all this kenderaan, the useful aspect- the report will be come out at the end of the year. We are completed the audit. We supposed to complete it at the end of the year.*

**Tuan Pengerusi:** Pistol semua ada *useful lifekah?*

**Encik Chiew Koh Chon:** Pistol, tidak tahu- tetapi yang kita tengok daripada AG punya- sebab *we are going toward accrual accounting*, jadi yang kita nampak ini *about 20 or* beberapa tahun- pistol.

**Tuan Pengerusi:** *It can't last forever*, kan?

**Encik Chiew Koh Chon:** *Can't last forever. Ia ada life spend dia...*

**Tuan Pengerusi:** Peluru?

**Encik Chiew Koh Chon:** Peluru? Kalau kita tengok peluru- sebab *they will be visited, the SAE Ordinance* dekat peraturan ini. Peluru dalam dia ada tempohnya, ada *life spendnya. Date of expiration* dia ada. *They mentioned there in the bullet.*

**Tuan Pengerusi:** Jadi dalam aset ini, *you* tidak tumpu pelurulah? Dalam *you* punya audit ini, *you* tidak tumpu peluru- *just the gun* sahaja?

**Encik Chiew Koh Chon:** Untuk makluman, *actually* dalam kehilangan senjata api yang dilaporkan ini, senjata ini ada yang kehilangan termasuk peluru *inside also*. Ada, termasuk peluru *inside*.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, kalau kita tengok kerangka ini, kalau senjata api hilang dalam tiga tahun ini yang paling banyak itu Johor dan gari itu yang paling banyak hilang di Pulau Pinang, saya pun tidak tahulah.

**Tuan Pengerusi:** Tahun 2010, 2011 dan 2012 tidak ada.

**Datuk Seri Reezal Merican:** *I think you have wrongly calculated it. You said it 42 but it was actually 44, right?*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Reezal Merican:** *For the gun.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Reezal Merican:** 44?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Reezal Merican:** Akan tetapi *this stated* 42 jumlahnya.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Reezal Merican:** Betul ya?

■1140

**Encik Chiew Koh Chon:** Ia senjata api, gari, *walkie-talkie*, telefon bimbit *then* kenderaan-kenderaan macam kenderaan operasi *or motorcycle*, *camera* dan komputer, itu contoh.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Yang lain-lain itu, 21 perkara lain. Apa benda itu?

**Encik Chiew Koh Chon:** Oh! Lain-lain sebab ia mungkin ada aset pejabat dan sebagainya. Akan tetapi itu tidak banyakkah, yang lain-lain itu. Namun sebab kita punya ini tertumpu *on the* peralatan keselamatan... *[Disampuk]*

Okey, dalam laporan kita, ada disebut antara kelemahan yang ditimbulkan adalah kehilangan aset lewat dikesan. *So, actually* bila kita jalankan pengauditan, kita buat lawatan pergi IPK, IPD atau balai, kita nampak banyak kes yang mana kalau ikut peraturan kerajaan, *actually they have to do* pemeriksaan aset ini enam bulan satu kali, *this audit* tetapi kita nampak *actually-* I hendak *cover especially the access of* senjata api. Senjata api, *actually the* polis kecuali yang dibenarkan, *they are allowed to hold the* senjata api bila mereka bertugas. Okey, bila bertugas...

**Tuan Pengerusi:** *They don't do the regular stock count?*

**Encik Chiew Koh Chon:** Ada yang *they don't do the regular*, ada yang tidak buat itu. *That is why, by the time* kita ada yang buat kemudian- *actually the* senjata api sudah pulangkan *maybe in 2010*. Akan tetapi *the latest, they do the stock count only in 2012* dan baru nampak aset itu hilang. *So, actually* kita tidak boleh kenal pasti bila aset itu hilang. *It can be in 2010, already*. Akan tetapi kita kata *only dikesan pada 2012*. Dari segi kelemahan, *non compliance the* peraturan di mana *they do the physical count*.

*Then, in government procedure when anything-* sesuatu aset itu hilang, *you* kena lapor segera kepada ketua jabatan, dengan serta-merta. *So, immediately they have to* lapor tetapi berlaku banyak kelewatan. *Then*, dia kena buat laporan, kepada polis pun berlaku banyak kelewatan. Ada yang sampai bertahun-tahun. *After these complete within two weeks, they have to prepare the* laporan awal, *they have to send to* Pegawai Pengawal. Pegawai kes ini adalah KDN *then there have to send to* Jabatan Audit Negara, *they have to send to Treasury*.

*That is why I* kata, tadi Tuan Pengerusi cakap kita selalu terima ini sahaja. Kita terima laporan macam ini. Oleh sebab itu kita nampak begitu banyak kehilangan di Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri dan sebagainya. Berlaku kes sebegini. Bila...



**Tuan Pengerusi:** *You also should look* soal dia orang minta ganti balik senjata itu. Laporan ganti balik senjata- dokumen. Kalau hilang ini dia ada *disconnect between* aset yang hilang dengan proses pembelian aset untuk ganti. *So, kadang-kadang you* beli aset itu lebih daripada apa yang diperlukan, fasal hendak ganti balik apa yang hilang.

**Encik Chiew Koh Chon:** *So far* kita tidak jumpa kes macam itu.

**Tuan Pengerusi:** *In the future, when you do your audit, you also closed the gap between...*

**Encik Chiew Koh Chon:** Ya, okey. *The purchase...*

**Tuan Pengerusi:** ...Aset yang hilang ini *and then PO that comes out to repurchase and replace the asset. In addition to,* apa yang memang dia orang minta hendak beli, *in the normal cost of business.*

**Encik Chiew Koh Chon:** *Okay, then* bila ketua jabatan sediakan laporan awal- *then* Ketua Jabatan di peringkat ibu pejabat, *have to* lantik Jawatankuasa Siasatan untuk siasat mengapa berlaku kehilangan, *and so on.* Siapa yang bertanggungjawab? Apa tindakan *corrective and preventive* yang kena buat? *So,* kita nampak penubuhan jawatankuasa siasatan ini lambat ditubuhkan. Ada yang ambil bertahun-tahun, laporan tidak siap dan sebagainya. *So, the case* sampai ada yang belum selesai.

Kemudian yang *last* itu, jawatankuasa lewat menggubal laporan akhir- oleh sebab dia lambat siasat, laporan lambat disediakan, *so they cannot produce the* laporan akhir untuk menyelesaikan kes ini supaya tindakan seterusnya dapat diambil seperti membuat tindakan pelupusan, tindakan syor *surcharge,* tindakan tatatertib terhadap pegawai yang bertanggungjawab dan sebagainya.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Semua pengurusan aset polis ini, *are they handle under* Jabatan Logistik?

**Encik Chiew Koh Chon:** Yes.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Ya, Jabatan Logistik.

**Encik Chiew Koh Chon:** Ia melibatkan dua. *Actually* pengurusan aset ini tadi- ada sebut, ia melibatkan Jabatan Logistik dengan Jabatan Pengurusan. Ada dua sebab dua-dua terlibat- *these two* terlibat. Jabatan Pengurusan PDRM dengan Jabatan Logistik.

**Tuan Pengerusi:** Peraturan kerajaan yang ada sekarang ini mengenai pengurusan aset ini, adakah ia cukup atau boleh diperbaiki atau boleh dilonggarkan untuk disesuaikan dengan pihak polis?

**Encik Chiew Koh Chon:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Kadang-kadang peraturan kerajaan ini dia terlalu ketat *because it is General Oder (GO) but in terms of operational efficiency, the police may not be able to follow the GO perfectly. So, in your opinion, is the procedure is...?*

**Encik Chiew Koh Chon:** *Based on our audit, actually the procedure why the* peraturan kerja yang dikeluarkan, *I think that one* memang cukup bagus untuk kita menguruskan *the asset.* Oleh sebab bukan sahaja PDRM pakai, semua kementerian, dan jabatan juga pakai.

*I think* peraturan sedia ada. Saya rasa salah satu punca masalah di sini adalah yang menguruskan aset ini di PDRM adalah ramai anggota beruniform. Ramai anggota uniform yang uruskan ini. *So many have to think, that is why* sekarang mereka dalam peringkat mengambil kerani kewangan daripada *central agency* dan sebagainya.

Oleh sebab banyak pengurusan kita tengok diuruskan oleh pegawai beruniform tetapi tindakan ada diambil di mana sekarang ada pegawai, kerani daripada kewangan dan sebagainya diambil untuk menguruskan pengurusan kewangan ataupun pentadbiran pejabat di PDRM.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi perkara ini perkara pentadbiran sahaja. Patutnya *uniform staff* pun *can handle can be train*. Macam *they are being train to handle police report* dan sebagainya. *I mean, the other counter argument is they may understand personal issue better and then they can be train to manage the asset instead of getting the admin staff...*

**Encik Chiew Koh Chon:** *That is why* Tuan Pengerusi...

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Teluk Kemang]:** Polis beruniform ini bertukar. *They must transfer all over the place right? So, you just...*

**Tuan Pengerusi:** *But the IT system is in place then anybody that comes and goes doesn't matter because the institutional memories is being kept in the system. You just need to train the personnel, to put in the data* sahaja.

**Encik Chiew Koh Chon:** *That is why* Tuan Pengerusi, *actually we based on the maklum balas we received from PDRM. One of the reasons is the staff yang menguruskan aset ini ada ramai yang tidak diberi latihan yang secukupnya berkenaan dengan pengurusan aset dan latihan. Maklum balas yang we stated in- one of them is* kekurangan latihan dan sebagainya.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *How about this one? Just now you said the procedures for all the ministries are all the same, right?*

**Seorang Ahli:** Yes.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *But how about the nature of work, like policeman, CID, those on investigation? They carry gari atau handcuff at their back. I have seen one in front of Kuala Lumpur Sentral there. I was there watching they nap foreigners bringing drugs. They just pull out anything, with all the handcuff and everything. How can- the mobility of this especially the handcuff. How to trace? Bawa sini pindah sana, pergi lokap sana, pergi sini bawa sana. Where you want to trace ini daripada stesen mana-mana?*

*We talk about especially the gari yang paling banyak. Walaupun prosedurnya sama tetapi the nature of the work, macam mana you tengok benda itu?*

**Tuan Pengerusi:** Maknanya *you* tidak boleh *tag the asset to a person*.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Tidak ada *serial number*?

**Tuan Pengerusi:** *Serial number* ada tetapi dia tidak boleh *tag to a person* fasal *gari* itu berpindah-pindah.

**Encik Chiew Koh Chon:** Untuk makluman Ahli-ahli PAC, *especially* dalam aset keselamatan senjata api ini, macam senjata api atau gari dan sebagainya. *Actually all the IPKs*, atau *all* balai polis mereka ada *maintained* Buku Daftar. Ia dipanggil Daftar Pergerakan Aset. Gari ini semua ada *serial number*. Bila dipakai, ada *serial number and it is all in the record- serial numbemya*.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi, *the investigation can be difficult because you cannot tag the asset to somebody but you can only tag the asset to the balai polis sahaja*.

**Encik Chiew Koh Chon:** *In the* Daftar Pergerakan Aset, anggota yang bertanggungjawab, bertugas dengan pistol, dia kena *sign*, siapa yang memegang senjata itu. *Then we know* siapa yang pakai senjata itu *by the serial number and the gari juga*.

■1150

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi kalau ada *witness*, dia tidak rekod, bila gari itu sudah tangkap orang dan bawa ke balai, gari itu pulang balik pada dia atau tidak? Sama ada gari itu boleh diassign pada orang lain?

**Encik Chiew Koh Chon:** *All must comes through the* Pegawai Penyelia yang bertanggungjawab tentang itu- Pegawai Daftar Aset. *You issued out, you must come in to the* Pegawai Penyelia. *There were the issue, and it properly recorded in the* Buku Daftar Pergerakan Aset.

**Tuan Pengerusi:** So Buku Daftar, *recording is acceptable ya?*

**Encik Chiew Koh Chon:** *Actually*, ada kelemahan dari segi Buku Daftar, ada yang kemas kini contohnya *base on our audit*. Data Pegawai Aset contohnya- dekat balai, baru-baru ini kita buat di IPK, kita nampak- okey, contoh kalau pegawai polis selepas habis tugas, kena serta-merta pulangkan pistol itu. *So, this from the spot checked* kita nampak, ada yang lebih sepuluh jam, 11 jam, ada yang belum pulangkan lagi. *So*, kita minta *the* Pegawai Penyelia, apakah tindakan *you* buat? Sepatutnya *you* kena serta-merta telefon pegawai itu, di manakah senjata, di manakah gari? *You* kena pulangkan segera. Akan tetapi ada yang tidak ambil tindakan. Okey, kita *base on our spot-check* baru-baru ini, kita nampak kes seperti itu.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah:** *Maybe on the pistol I do agree, it is personnel to holder. You have to carry even though you put under your pillow, if you cannot returned it but about the gari, I am bit sceptical about it, the mobility of the thing, you know. If you catch somebody here, you are from this balai. You can catch here then they sent the guy in somewhere else and then it is the responsibility of the officer there to open the gari, to open everything, where this gari belong to, which balai, how they want to trace that? That is why I want to see how...*

**Encik Chiew Koh Chon:** *When a police officer, when you are given assigns with the gari then you are fully responsible for the thing. Sama ada dia guna atau tidak, after that you kena give back to the yang mana you ini- sebab itu you punya tanggungjawab.*

Oleh sebab– *"Ini aset yang saya bertanggungjawab. Saya kena menjaga aset ini"*. So, kalau contohnya dia tangkap dekat satu tempat- 'A' then after that mungkin dia berasal dari balai 'B', mean paling dekat dia kena hantar pergi balai 'A', tetapi bila hantar balai 'A', the gari atau sebagainya actually dia kena ambil untuk dia pulangkan ke balai 'B'. Bukan di balai 'A' sebab you bertanggungjawab dengan gari itu, bukan orang lain yang bertanggungjawab.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas:** Akan tetapi semuanya ini, semuanya ini peraturannya semua sudah ada, kan?... *[Disampuk]* Dia, *it is only a problem of compliance* saja, kan?... *[Di sampuk]* So *compliance* sajalah. Kelemahan *compliance to the procedure so, the procedures...*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, *why do they want the gari. What is it for? The gari, the handcuffs, what they do wanted take for?*

**Datuk Seri Reezal Merican:** *In other word, the lost of the gari itu- was it deliberate stuff atau pun it was because of what Yang Berhormat said just now?*

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Akan tetapi soalan ini elok tanya pada polis... *[Ketawa]* *It is not for auditors to answer...*

**Tuan Pengerusi:** Relaks, relaks Yang Berhormat Kepong. Tunggu polis datang... *[Ketawa]*

**Datuk Seri Reezal Merican:** Untuk maklumat itu...

**Encik Chiew Koh Chon:** *Actually* dalam Jawatankuasa Siasatan yang I sebut tadi, yang ditubuhkan itu, *that is why I kata, one of the main duty of the Jawatankuasa Siasatan is to menyiasat-mengapa berlaku kehilangan ini?* So, kalau kes macam Yang Berhormat cakap tadi, kehilangan tersebut- kena lihat, adakah ini kecuaiannya anggota, atau bukan cuai? Kalau bukan sebab cuai, so *there is no such thing as* tindakan tatatertib atau surcaj dikenakan sebab ini kehilangan di luar kawalannya. So, tugas Jawatankuasa Siasatan, dia kena siasat.

**Tuan Liang Teck Meng:** Akan tetapi kebanyakan kes kehilangan ini berlaku di stor kan? Mungkin kena curi ataupun semasa operasi?

**Seorang Ahli:** Masa kerja. Masa bertugas.

**Seorang Ahli:** Itulah kalau pistol...

**Encik Chiew Koh Chon:** *Actually* banyak kes yang berlaku. Ada yang berlaku semasa jalankan operasi, ada yang berlaku bila, dikesan apabila membuat pemeriksaan di stor, nampak ada kehilangan. *Actually* ada banyak kes- berapa kehilangan dalam operasi berlaku?...

**Seorang Ahli:** Kalau hilang dalam stor, itu gari ada kaki... *[Ketawa]* Kalau masa operasi, lain ceritalah... *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Okay, lagi?

**Encik Chiew Koh Chon:** *This is* maklum balas. Yang Berhormat, kita tengok tadi. *Actually* maklum balas secara keseluruhan dari PDRM, *actually* PDRM selepas laporan dikeluarkan, mereka memang ada menubuhkan jawatankuasa khas untuk menyasat mengapa punca berlakunya kes yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, *and* mereka juga telah- macam tadi Tuan Pengerusi cakap, *there should be a system to cater* semua ini, Mereka sedang bangunkan sistem itu. Mungkin nanti boleh tanya PDRM, adakah sistem itu sudah *ready* dan sebagainya? Dia ada sebut- bagi tempoh di mana kes-kes yang sudah begitu lama, bertahun-tahun tidak selesai itu, dibagi mereka tempoh untuk menyelesaikan kes-kes itu, dan sebagainya. So, semuanya ada dalam maklum balas itu.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Satu lagi dari segi *sampling* peringkat awal tadi, *since you mentioned*, kata sembilan yang hilang paling tinggi ialah di Johor- sembilan kan? Senjata api *over the period of three years but then in the sampling out of ten* IPD, Johor you limit to only one IPD which is Kulai Jaya. *Why is it so?* Sedangkan Selangor you have five and then Kuala Lumpur you have four, *is it because of* Kulai Jaya itu kehilangan banyak, sedangkan IPD dalam Johor banyak, Pulau pun ada... [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Jangan ikut dia.

**Encik Chiew Koh Chon:** [Ketawa] *Actually* untuk makluman Yang Berhormat Ahli PAC. *I* terangkan mengapa di Johor kita pilih satu IPD, dan mengapa Selangor kita pilih ini? Sebab, *that is why* tadi *I* sebut, kita punya *scoping*. Kita menghadapi kekangan peruntukkan sebab itu *we have to finish the thing* bila kita lawat satu negeri, *we have to finish within five days*, kita akan habis. Selangor tidak melibatkan begitu banyak peruntukkan sebab mungkin *you can travel nearby to the IPD*. *That is* Selangor kita tengok, kita boleh cover lebih IPD.

**Datuk Seri Reezal Merican:** ...*The one who created the unrest feeling of public* tentang kehilangan *guns especially* di Johor. *What more with the crime rate-* sebab itu *I am just* hendak tahu bila you limit to Kulai Jaya, *does it mean that* Kulai Jaya recorded the highest lost of guns?

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

**Encik Chiew Koh Chon:** Dia punya bilangan- sebab di Johor, kita cover selain dari IPD Kulai itu, kita cover banyak balai polislah. *We covered* balai polis. Contoh, *we cover* Balai Polis JB Selatan, kita cover Balai Polis Taman Pelangi, kita cover Balai Polis Johor Jaya, dan sebagainya....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, ini kalau banding dengan kehilangan enjin jet itu macam mana?

**Tuan Pengerusi:** Itu kementerian lainlah... [Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kementerian lain?... Oh!

**Seorang Ahli:** Yang itu kita *discuss* topik yang lain.

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Jet ini setahu saya adalah aset bagi MINDEF. Mungkin Yang Berhormat yang lama lebih tahu daripada saya. Saya baru *takeover* tempat ini... *[Ketawa]* Terima kasih. Kalau hendak tanya KSU, boleh tanyalah mengenai enjin jet *because* beliau daripada MINDEF... *[Ketawa]* Itu dia TKSU.

**Seorang Ahli:** Akan tetapi...

**Datuk Haji Anwari bin Suri:** Yang Berhormat, jawapan dia ini lebih kepada akanlah. So mungkin pada masa sekarang ini tindakan sedang atau telah diambil. Jadi, elok ditanyalah isu-isu jawapan mereka ini bagi daripada pihak kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Maklum balas ya. Ya lah macam biasalah dia akan kata, "Akan dibuat", "Akan dibuat" lah.

■1200

**Tuan Liang Teck Meng:** Datuk Pengerusi, boleh atau tidak kita cadangkan sistem pengurusan aset bagi polis ini, ia sepatutnya berlainan dengan kementerian lain. Kerana apa? Ini kerana saya melihat kementerian lain, kalau kata benda ini hilang, orang dapat curi bukan, dia tidak dijatuhkan dengan hukuman yang begitu serius. Akan tetapi kalau senjata api ini, ia kaitkan dengan nyawa, kan? Siapa yang curi itu kalau didapati mencuri senjata api, dia boleh dijatuhkan hukuman mati. Jadi saya lihat, sistem pengurusan ini sepatutnya kena lebih ketat, lebih serius.

**Tuan Pengerusi:** Dari segi denda dengan *punishment*, hukuman. Boleh tanya nanti kepada IGP, *but there is monetary surcharge*, ada tindakan lainlah.

So, tidak ada apa lagi ya? Kalau tidak ada apa lagi, saya rasa kita boleh panggil Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dengan pasukannya untuk masuk.

*[Saksi-saksi dari Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Selamat tengah hari saya ucapkan kepada Dato' Mohamad Khalid bin Haji Shariff, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri serta wakil-wakil kementerian. Yang saya hormati Tan Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara serta wakil-wakil daripada Polis. Seterusnya Ahli-ahli Jawatankuasa PAC, juga Datuk Haji Anwari daripada Jabatan Audit Negara.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' dan Tan Sri kerana sudi untuk datang ke PAC walaupun sebenarnya Mesyuarat ini ditangguhkan sebanyak dua, tiga kali. Akan tetapi saya ingin memuji sikap daripada Polis sendiri apabila Tan Sri Ketua Polis Negara sanggup untuk datang bersama-sama kita pada hari ini. Sebenarnya Dato' dan Tan Sri, isu ini adalah isu yang telah timbul dalam Laporan Ketua Audit Negara, tahun 2012 yang telah memberikan tanggapan negatif di kalangan rakyat bahawa polis tidak cekap. Kami di PAC faham, bukan senang untuk polis menjalankan tugas di dalam mengawal keselamatan negara.

Isu seperti ini perlu dijelaskan kepada rakyat, apakah kesulitan, masalah yang dihadapi oleh Polis dalam menguruskan aset Polis, dan apakah penambahbaikan yang boleh dibuat, baik daripada segi latihan untuk sumber manusia dan juga dari segi peralatan sistem IT yang mantap, yang boleh digunakan untuk memastikan bahawa isu kehilangan aset ini- saya tidak hendak sebut kehilangan aset, saya hendak sebut pengurusan aset ini akan dapat dimantapkan pada masa-masa akan datang. Saya rasa kita juga ada sedikit kekhawatiran mengenai pengurusan aset ini kerana ia melibatkan kehilangan pistol dan sebagainya yang akhirnya boleh digunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab untuk melakukan jenayah. Ini juga perlu diambil kira dalam penambahbaikan sistem pengurusan aset ini di pihak Polis untuk memastikan bahawa aset-aset ini tidak akan jatuh ke tangan orang yang tidak bertanggungjawab.

Jadi, saya rasa untuk tidak melengahkan masa lagi, saya menjemput Dato' Mohamad Khalid untuk memberikan penjelasan. Sebelum itu, kenalkan wakil-wakil daripada kementerian dan juga daripada polis. Terima kasih.

**12.05 tgh.**

**Dato' Mohamad Khalid bin Haji Shariff [Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri]:** Terima kasih Yang Berhormat. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera. Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga Belas; Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara; dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato' Sri, Dato'-Dato' dan Ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara yang saya hormati.

Terlebih dahulu saya bagi pihak kementerian mengucapkan terima kasih di atas pertimbangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat kepada kami sebagaimana Datuk Pengerusi nyatakan tadi, ada dua atau tiga kali penangguhan yang kami minta. Sebenarnya penangguhan yang kami minta ini adalah ekoran keprihatinan sendiri Yang Amat Berbahagia Tan Sri IGP untuk sama-sama memberi penjelasan dalam isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, tahun 2013.

Jadi, bersama-sama saya ialah ahli-ahli daripada Kementerian Dalam Negeri iaitu:

- (i) Yang Amat Berbahagia Tan Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara- di sebelah kanan saya;
- (ii) Yang Berbahagia Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah iaitu Pengarah Jabatan Logistik, PDRM;
- (iii) Yang Berbahagia Dato' Daud bin Tahir, TKSU Kanan (Pengurusan) Kementerian Dalam Negeri;
- (iv) Yang Berbahagia Dato' Seri Mohamad Fuzi bin Harun, Pengarah Pengurusan, PDRM;

- (v) Yang Berbahagia Dato' Wan Ali bin Besar, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Dalam Negeri;
- (vi) Yang Berbahagia Dato' Abdul Ghafar bin Rajab, Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran), PDRM;
- (vii) Yang Berbahagia Dato' Nor Ashikin binti Haji Md Salim iaitu Setiausaha Bahagian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri;
- (viii) Tuan DSP Puspanathan Wiresingam, Unit Aset, PDRM; dan
- (ix) Tuan DSP Mohd. Ismail bin Muslim, Unit Jawatankuasa Siasatan, PDRM.

Jadi, inilah pegawai-pegawai yang bersama-sama saya untuk memberikan penjelasan pada pagi ini, Yang Berhormat.

Seterusnya, berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara yang telah pun kita terima ataupun sudah dibangkitkan, kementerian mendapati sepuluh penemuan Audit telah pun dimaklumkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tahun 2012 berkaitan dengan kehilangan aset PDRM ini.

■1210

Jadi, berdasarkan isu-isu yang sepuluh penemuan audit tadi, kami merumuskan ada dua aspek utama iaitu:

- (i) melibatkan kelemahan dari aspek ketidakpatuhan proses kerja iaitu yang melibatkan laporan penemuan audit para 5(a) dan hingga 5(h); dan
- (ii) kekurangan *facilities* dan kemudahan penyimpanan aset yang melibatkan laporan 5(i) hingga 5(j).

Jadi berdasarkan ini, kita mengakui memang terdapat kelemahan dalam kita menguruskan aset-aset ini dan pihak kementerian dan juga PDRM telah mengambil tindakan-tindakan susulan yang melibatkan pencegahan dan juga tindakan punitif. Proses ini sebenarnya telah kita ambil tindakan dan sekarang dalam proses pelaksanaan.

Jadi, untuk tujuan memberi penjelasan, seterusnya saya menjemput Yang Dihormati Yang Amat Berbahagia Tan Sri Khalid bin Abu Bakar, Ketua Polis Negara untuk memberi pembentangan selanjutnya. Yang Berhormat, minta izin. Terima kasih.

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar [Ketua Polis Negara]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, dan salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Dewan Rakyat, Yang Berhormat Ahli-ahli jawatankuasa, Yang Berbahagia Dato' Mohamad Khalid bin Haji Shariff, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan. Terlebih dahulu Yang Berhormat, saya memohon maaf di atas penangguhan-penangguhan yang telah dibuat. Saya amat berterima kasih di atas kesanggupan dan kesudian Yang Berhormat dan semua Ahli-ahli Jawatankuasa yang menerima alasan-alasan penangguhan tersebut yang sememangnya tidak dapat dielakkan.



Yang Berhormat Datuk Pengerusi dan Ahli-ahli sekalian, saya mengakui kelemahan-kelemahan yang berlaku di pihak PDRM khususnya dalam pengurusan aset yang telah dilaporkan oleh Jabatan Audit Negara. Selepas dari penemuan-penemuan tersebut, berbagai-bagai langkah telah diambil dalam kita memastikan perkara ini diambil tindakan, dan tidak berulang. Seperti mana yang Dato' Mohamad Khalid, KSU sebut tadi, merumuskan kepada dua *area* yang kita perlu fokus dan tindakan yang diambil terhadap kelemahan ini adalah tiga bentuk tindakan.

Pertama, tindakan pembedahan. Kita mendapati bahawa pendaftaran rekod- unit *Committee of Enquiry* (CE) dan Bahagian Pengurusan Aset tidak diselaraskan.

So, kita telah pun menyelaraskannya. Begitu juga dengan berlaku percanggahan rekod Unit CE dan Laporan Ketua Audit Negara juga telah kita kemas kini kerana apabila penemuan Audit itu ada rekod-rekod itu yang belum dikemas kini, itu telah pun dikemaskinikan. Kita telah pun mengadakan Bengkel SOP kehilangan aset PDRM, dan SOP telah pun digariskan. Sistem kehilangan aset juga telah dibangunkan.

Satu sistem dalaman telah kita bangunkan dan kita panggil PALMS. Kita juga telah membuat ketetapan menambahkan *Desk Officer* untuk Unit *Committee of Enquiry* ini kerana sebelum ini tidak ada pegawai khusus yang ditugaskan untuk melihat dan menguruskan CE, sekarang kita sudah wujudkan *Desk Officemya*. Kita telah membuat pemantauan secara harian dan pemeriksaan aset secara berkala dalam kita memastikan pengurusan aset kita berjalan dengan lebih rapi dan teliti lagi.

Kedua, dalam tindakan pembedahan adalah mesyuarat berkala JPKA yang dipengerusikan oleh saya sendiri sejak 31 Julai 2013. Saya telah mengarahkan semua Ketua Polis Negeri dan ketua-ketua formasi, yang saya maksudkan adalah komander-komander bridged dan komandan-komandan pusat-pusat latihan untuk membuat pemeriksaan fizikal mengikut arahan TPA Bil.5/2007, dan juga Perintah Tetap KPN, A117. Ini adalah untuk membuat pemeriksaan fizikal terhadap semua aset kita di seluruh kontinjen, daerah dan juga balai-balai. Mereka dikehendaki membuat laporan secara berkala dan dijadikan agenda dalam mesyuarat pemantauan kita dan kita menjadikan pemantauan ini secara berterusan.

Untuk tujuan laporan, jumlah pemeriksaan keseluruhan PDRM daripada Januari hingga Disember 2013, jumlahnya adalah 70 kali. *Insyaa-Allah*, saya memantaunya dalam Mesyuarat JPKA ini dan juga perlu penambahan dari segi pemantauan ini, saya akan membuat penambahan-penambahan.

Ketiga, arahan-arahan peritadbiran PDRM telah dikeluarkan semula sebagai peringatan, empat arahan sebenarnya iaitu:

- (i) PTKPN Bahagian C854 – Peraturan Mengurus Kes-kes Kehilangan dan Menghapuskan Harta Kerajaan;

- (ii) Arahan Jabatan Pengurusan – Laporan Awal Kehilangan Aset Alih Kerajaan bertarikh 22 Mei 2012 telah dikeluarkan semula;
- (iii) Arahan Jabatan Logistik Bil.63- berkenaan dengan Keselamatan Senjata Api dan Amunisi bertarikh 20 Januari 2009; dan

Ini kita keluarkan semula arahan ini sebagai peringatan, dan seterusnya:

- (iv) Surat Pengarah Jabatan Logistik mengenai langkah-langkah mencegah kehilangan gari tangan milik pasukan bertarikh 16 Julai 2013.

Untuk tindakan pencegahan pula, PDRM telah membangunkan seperti yang saya sebutkan tadi, PDRM *Asset Loss Monitoring System* (PALMS) dan telah beroperasi mulai Januari 2014 dan kita sekarang senang mengadakan kursus kepada pegawai-pegawai kita. Kursus TOT dijalankan pada 5 dan 6 Mac baru-baru ini yang melibatkan 100 orang pegawai pangkat rendah dan juga kakitangan awam. Kita juga sedang membuat *road show* di peringkat kontinjen dan peringkat daerah untuk menerangkan Sistem PALMS yang baru ini. Ini sistem dalaman yang kita bangunkan.

Kedua, PDRM juga telah menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi mengujudkan SOP seperti yang sebut tadi, Pengurusan Kehilangan Aset dan sebenarnya ia dalam peringkat akhir untuk di *endorse* sebagai SOP kerana banyak perkara yang kita perlu lihat dan *feedback* yang perlu kita dapatkan daripada pegawai-pegawai di kontinjen dan di daerah-daerah. PDRM juga menubuhkan Jawatankuasa Penambahbaikan Pengurusan dan Penggunaan Senjata Api. Jawatankuasa ini akan bersidang secara berkala dalam melihat apa juga keperluan-keperluan atau pun arahan-arahan yang perlu dikemas kini atau diperbaiki.

Keempat, seperti yang saya sebutkan tadi, pelantikan pegawai khusus, kita telah melantik seorang pegawai berpangkat DSP, seorang berpangkat ASP dan seorang lagi berpangkat inspektor. Tiga orang pegawai ini akan memantau secara harian berkenaan dengan apa juga pengurusan aset kita.

Kelima, kita juga melihat penyediaan ruang penyimpanan item keselamatan yang sesuai dan selamat termasuk bangunan-bangunan dan stor. Setiap stor senjata api di semua IPD baru telah dilengkapi dengan kad *access electronic*. Ini IPD yang baru, Yang Berhormat. Yang lama itu kita sedang memohon peruntukan sebenarnya. Jadi, kita memerlukan lebih kurang RM20 juta untuk membangunkan satu sistem yang menyeluruh berkenaan dengan aset keselamatan senjata api ini. Jadi...

**Tuan Pengerusi:** Tan Sri, di tempat saya pun IPD ataupun balai polis simpan dia punya senjata dalam almari kayu dan bukannya almari besi yang boleh *secure* itu.

■1220

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** Akan tetapi yang ini kita sudah perkemaskan Yang Berhormat. Tidak ada lagi dalam almari kayu walaupun balai-balai yang kecil, kita telah mendapatkan almari besi tetapi untuk sistem yang menyeluruh tadi, itulah kita sudah memohon.

Jadi, mudah-mudahan kita dapat peruntukan ini, kita boleh membangunkan sistem yang menyeluruh menggunakan RFID dan juga biometrik untuk setiap kontinjen dan formasi tetapi untuk yang baru ini, kita sudah mula menggunakan sistem dalaman yang kita buat tadi menggunakan biometrik tetapi itu yang barulah. Jadi, untuk keseluruhannya itu, memerlukan satu peruntukan besar yang kita mohon. IPD-IPD lama dalam proses penambahbaikan, pagarnya, CCTVnya dan sebagainya.

Keempat- penyediaan kelengkapan termasuklah pembangunan yang saya sebut tadi seperti Sistem Pengurusan Senjata Api, CCTV, kabinet dan rak, rak besi.

Kelima Yang Berhormat, adalah tindakan punitif- tindakan disiplin diambil terhadap mereka yang gagal mematuhi, melaksanakan arahan dan peraturan yang telah kita tetapkan. Daripada 87 kes yang dilaporkan, kita telah memutuskan 54 kes yang dikenakan tindakan tatatertib.

Tindakan tatatertib ini sebenarnya kita ambil selepas mahkamah tidak dapat mengambil tindakan terhadap mereka di atas kecuaiannya kerana kekurangan bukti dan sebagainya dan kes selepas di NFA oleh pihak pendakwa, kita akan mengambil tindakan tatatertib. Ada juga dalam kes-kes tertentu, kita mengambil tindakan yang selari, mahkamah pun ambil tindakan, tatatertib pun kita akan ambil tindakan. Tindakan tatatertib yang kita ambil dari aspek hukuman buang kerja, turun pangkat di atas kehilangan senjata api dan kita mengkajinya di bawah Peraturan 37, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan 2002).

Selain daripada itu juga, kita mengenakan surcaj dan ganti rugi yang setakat ini kita telah berjaya kutip RM29,439.44. Bakinya sedang dalam kutipan dan ada juga yang dalam rayuan kerana jumlah potongan gaji yang kita kenakan itu. Ada yang merayu- tinggi sangat dan kita dalam proses rayuan tetapi *insya-Allah*, kita akan mengutip kesemuanya Yang Berhormat.

Jadi sebagai penutup Yang Berhormat datu Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, kelemahan dalam pengurusan kehilangan aset yang disebabkan dua faktor utama tadi adalah kelemahan aspek kemanusiaan dan kekurangan kemudahan. Namun PDRM, kita telah mengambil tindakan-tindakan untuk mengatasi kelemahan ini. *Insya-Allah* dengan pewujudan unit yang baru ini, kita akan melihat apa juga kelemahan yang perlu kita perbaiki Yang Berhormat. *Thank you*.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Tan Sri. Saya rasa sedikit penjelasan yang diberikan oleh Tan Sri tadi memang boleh diterima pakai oleh Jawatankuasa.

Apa yang kita lihat tadi daripada Laporan Ketua Audit Negara, kebanyakannya masalah ini adalah mengenai manusia. Itu saya rasa penumpuan yang perlu kita berikan kepada cara untuk hendak menguruskan manusia yang menguruskan aset ini. Maknanya jika mereka diberikan peralatan yang cukup, diberikan latihan yang cukup dan juga ada peraturan yang cukup ketat untuk mengawal tindak-tanduk mereka, maka mereka akan menjalankan tugas dengan baik. Kalau mereka tidak

menjalankan tugas dengan baik, tindakan akan diambil sama ada tindakan penalti, surcaj atau sebagainya. *That is the gist of the matter.*

Cuma daripada apa yang dibuat oleh Audit, skopnya hanya kepada beberapa item, aset dalam PDRM ini iaitu mengenai pistol, gari, *walkie-talkie*, *mobile phone*, *motorcar*, *motorcycle* dan juga komputer.

Penerangan yang diberikan oleh Tan Sri tadi adalah khusus mengenai senjata api dengan gari dan alat-alat yang boleh membahayakan rakyat. Kami juga tidak mahu fokus kepada itu sahaja, kami mahu tengok kepada keseluruhan penambahbaikan sistem pengurusan aset di PDRM itu. Tadi saya melihat bahawa ada inisiatif baru oleh pihak polis di samping untuk hendak menyelaraskan prosedur dan sebagainya di antara Bukit Aman dengan IPD, IPK dan seterusnya balai polis.

*I assume, you are revising the circulars* yang berkenaan dengan ini, bukan hanya menghantar balik *circular* itu tetapi *circular* itu diubahsuai untuk hendak menyelesaikan masalah ini.

Tindakan yang diambil satu lagi adalah untuk membentuk atau membangunkan sistem PALMS tetapi nama sistem PALMS itu pun Tan Sri, saya sendiri dengar saya pun tidak sedap sebab *PALMS is, PDRM Asset Loss Monitoring System. I think you should change the name... [Ketawa]* Oleh sebab nama itu sendiri memberikan satu tanggapan bahawa polis selalu hilang aset. kan?

Sebenarnya daripada audit yang dilakukan oleh Jabatan Audit Negara, jumlah aset yang hilang itu berbanding dengan jumlah keseluruhan tidaklah besar sangat. Nilainya pun tidaklah besar sangat tetapi kita pun faham, Polis dari segi operasi memang sukar, ini kerana kalau di kementerian lain, di jabatan lain, dia jaga aset dalam stor sahaja, jaga aset dia dalam pejabat sahaja. Polis- sebab kena keluar, buat kerja dan kerja yang merbahaya pula itu, jadi mungkin boleh timbul masalah di mana aset boleh hilang disebabkan oleh pelbagai situasi, bukan sahaja dari segi pegawai tetapi juga dari segi dalam bahaya yang mereka hadapi ketika menjalankan tugas.

Satu lagi *observation* yang saya hendak maklumkan di sini adalah mengenai penggunaan IT secara keseluruhan. Ini kerana saya tidak tahu sama ada pengurusan IT secara keseluruhannya, maknanya- *is a total asset management system, not just asset lost monitoring system and then it is not just on the issue items, it is on the total asset of the police force.* Ini kerana Tan Sri, pada 1 Januari 2015 ini, kerajaan akan mula melaksanakan *accrual accounting*. Apabila kerajaan mula melaksanakan *accrual accounting* ini, dan akan meninggalkan sistem *Cash Based Accounting* yang digunakan sekarang, ia bermakna bahawa setiap aset yang dimiliki oleh kerajaan perlu dikenal pasti, perlu didaftarkan, perlu *ditrack* dan akhirnya perlu diberikan satu *useful economic life*, maknanya ia mesti ada *depreciation*. Mungkin dalam Polis pun ada aset yang diperlukan dan sebagainya, yang ada *limited useful life* dia.

Jadi, contoh peluru ini kadang-kadang mungkin Polis simpan dalam stor sehingga sepuluh tahun, padahal peluru itu sudah tidak boleh digunakan dengan sempurna, jadi perlu ada *right off*, perlu ada pelupusan dan sebagainya.

Jadi pengurusan aset untuk Polis dalam suasana *accounting accrual*, akruan yang akan digunakan ini adalah juga merupakan satu perkara yang akan membuatkan pengurusan aset Polis ini lebih *transparent*, lebih telus. *Out front, you have to declare what asset you have and then what liability you have*. Maksudnya pelupusan dan sebagainya perlu dijelaskan dengan lebih telus. Jadi sebab itu, kami sebenarnya memanggil Polis pada hari ini untuk hendak memastikan bahawa pelaksanaan *accrual accounting* di dalam Jabatan Polis *especially* dibuat dengan lebih teliti dan lebih rapi, persiapan dibuat lebih awal.

■1230

Akan tetapi, daripada apa yang dimaklumkan oleh Yang Amat Berbahagian Tan Sri tadi, persiapan itu dan penambahbaikan itu sedang dibuat, cuma pandangan- ini pandangan peribadi sayalah, bahawa penambahbaikan itu perlu dibuat pada keseluruhan aset itu, bukan sahaja kepada apa yang ditumpukan dalam Laporan Ketua Audit Negara itu tadi.

Satu lagi isu mengenai *human resource*- penggunaan IT pun penting secara keseluruhan. Macam pengalaman saya dalam syarikat, kita ada pelbagai *software* seperti SAP dan sebagainya. Kerajaan juga, kami dimaklumkan oleh Jabatan Akauntan Negara, bahawa penggunaan sistem pengurusan IT SAP ini akan dikembangkan lagi kepada semua jabatan atau kementerian. Jadi dengan adanya sistem seperti ini, maka kerja untuk menguruskan aset Polis pun lebih senang kerana sistem IT ini akan memastikan bahawa rekod- *assuming the record is accurate, even if garbage in, garbage out*. Bila rekod itu sudah ada, maksudnya sistem sudah simpan, sistem itu ada *institutional memory*. Maksudnya segala aktiviti Polis akan dibukukan dan direkodkan.

Kedua, adalah mengenai *audit trail*. Kalau ada masalah penyiasatan pun, apabila penyiasatan dibuat, akan ada *audit trail*nya pasal sistem ini akan rekod setiap langkah yang dibuat oleh pegawai. Jadi, hendak buat penyiasatan pun senang. Kadang-kadang kalau ada buat penyiasatan tetapi maklumat sekarang ini disimpan dalam fail, kertas dan sebagainya yang boleh hilang, itu yang jadi masalah untuk kumpulkan cukup bukti untuk ambil tindakan.

Ketiga, saya rasa yang penting dalam Polis adalah untuk mewujudkan suasana *fear of being audited*. Pihak polis, pihak kementerian jangan marah pada Jabatan Audit Negara. Itu kerja kita- *check and balance*. Macam Polis pun *check and balance* pada keselamatan. Audit pun kerja dia *check and balance* pada pengurusan wang kerajaan. Jadi dalam hal ini, kita sebenarnya hendak mencari cara yang lebih baik untuk mewujudkan sistem *check and balance* itu supaya ia akan dapat memberikan satu penambahbaikan kepada sistem kerajaan kita sekarang ini. Minta maaf Yang Amat Berbahagia Tan Sri, saya macam buat *lecture* pula tetapi *this is for record*, saya hendak sebutlah dalam hujah saya tadi. Terima kasih.

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** Terima kasih Datuk Pengerusi dan Ahli-ahli semua. Terlebih dahulu saya hendak maklumkan di sini bahawa saya dan pegawai-pegawai saya rasa, tidak pernah marah pun dengan Audit. Malah, saya berterima kasih kerana saya percaya dengan penemuan ini, bukan sahaja kita dapat memperkemaskan lagi pengurusan aset kita tetapi kita juga mungkin boleh dapat peruntukan tambahanlah dalam kita memastikan pengurusan aset kita ini...

**Tuan Pengerusi:** Itu kita boleh bantu... [Ketawa]

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** Tuan Pengerusi, saya juga akui bahawa memang *I think more than 70%* kelemahan-kelemahan ini adalah disebabkan kelemahan manusia. Jadi, itulah sebabnya kita pun memberi fokus kepada pembangunan modal insan kita sendiri dalam kita memastikan perkara-perkara ini *diminimize* ataupun boleh terus dihapuskan.

Hari ini memang saya lebih kepada senjata api, tetapi sebenarnya kajian kita adalah pada keseluruhan aset kita. Itu sebabnya kita telah menggunakan MySPATA, sistem pendaftaran semua aset tak alih kita. MySPA untuk sistem aset alih kita sekarang pada kadar 70%. Kita cuma belum sampai ke Sabah, Sarawak, Kedah dan *Penang*. Lain semua kita sudah berdaftar.

Untuk pendaftaran sistem perakaunan akruan, fasa 1 sudah selesai. Jadi *insya-Allah*, apa juga kajian yang kita buat, penambahbaikan adalah untuk keseluruhan aset-aset kita Datuk Pengerusi.

Saya sendiri pun, saya tidak mahu perkara-perkara- *particularly* senjata api yang begitu banyak yang hilang dan kalau kita tengok, macam mudah pula hilang. Akan tetapi *alhamdulillah*, saya suka nyatakan di sini bahawa, setakat ini kita belum lagi dapat ataupun menemui senjata-senjata api kita sendiri yang hilang itu digunakan dalam apa juga kes jenayah. Ini kerana *almost all* senjata api kita ini ada balistik DNAny. Jadi, apabila kita dapat merampas ataupun dalam kes-kes di mana perlu bila kita buat ujian balistik, setakat ini belum lagi kita menemui bahawa senjata itu adalah senjata kita yang hilang.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Soalan saya, pertama sekali, saya hendak ucapkan terima kasih kepada penjelasan yang diberi oleh Yang Amat Berbahagia Tan Sri IGP. *I think it was very illuminating* dan secara peribadi saya berpuas hati. Ini kerana banyak *corrective measures that has been done by Police. Has been done in the very quickest period of time* kerana benda itu dibentangkan pada tahun lepas, dan hari ini kita lihat bukan itu sahaja, malahan tempat-tempat simpanan senjata api juga telah diubahsuaikan terutamanya di negeri Johor... [Disampuk] Tak, betul... [Ketawa] *I am not referring to anybody...*

**Seorang Ahli:** *Straight away*, pergi jauh sangat.

**Datuk Seri Reezal Merican:** Oleh sebab Johor *recorded the highest lost of* senjata api. *I have to put it in the Minute* ya.

Keduanya, kehilangan aset ini sebagaimana yang dinyatakan oleh pihak Audit, bukan berlaku di KDN, ia berlaku di semua kementerian, malahan mungkin lebih tinggi daripada KDN ataupun di bawah PDRM.

Cuma, yang *gravitate people interest* ataupun *capture people punya attention because of gun*. Bila saya lihat dari segi *over the period of three years* ini pun, ia ada penurunan daripada tahun 2010 dengan 21, selepas itu sembilan, selepas itu naik sikit- 12. Cuma, *with all the system, corrective measure that you have done in this year- but there was one year lapse, 2013, which was not reported here*. Saja saya hendak tanya maklum balas, *are there any lost of gun in 2013 and what are the numbers?*

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** *We have found out*, tetapi bila kita kaji balik, *this was due to the kelemahan sistem lama itu sendiri*. Akan tetapi apabila kita tengok balik, kita periksa semula, baru kita dapati ada lagi kehilangan senjata api yang tidak didaftarkan. *I am here taking action on all these*.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Dato' KSU, terima kasih Tan Sri KPN.

Saya masa sekolah dahulu di Kuala Kangsar adalah ahli pasukan kadet. *Army Cadet*lah zaman itu, tidak ada Polis Kadet lagi. Biasanya kadet ini tiap-tiap minggu berlatih dan biasanya bulan-bulan pertama itu kawad sahajalah. Akan tetapi bulan ketiga dan keempat mula berlatih dengan senjata. Untuk senjata itu, kita kena kawad daripada sekolah ke balai polis. Akan ada pegawai, dia akan tunggu, buka *store room*kah, apa jenis itu yang nampak yang besi pintunya dan kita berbaris masuk seorang- satu, seorang- satu, keluar senjata itu. Berbaris pula ke sekolah, buat latihan kawad dan sebagainya, kemudian berbaris balik, kawad balik hantar senjata itu. *Properly recorded, properly stored*. Kena bersih pula itu. Dia bagi minyak dan kena cuci sebelum simpan balik itu. Itu senjata yang tidak boleh guna. Sudah tidak ada *fire ramping*, dipanggil zaman 60-an dulu *mark 1* kah apa, senjata. *Mark 1* kah apa... [*Disampuk*] Bukan SLR. Ini yang berat- yang budak-budak kita bila letak atas bahu itu, merah.

So maknanya benda sudah tidak ada *fire ramping* dalam tahun 60-an sudah tidak pakai pun, pun begitu kemas, rapi, tersusun, dijaga dan dikawal oleh Balai Polis Kuala Kangsar tahun 60-an. Jadi, saya haraplah kita *go back*, kalau mungkin ada kelemahan saya tidak tahu tetapi *to that old system* yang mana agaknya begitu rapi masyarakat polis melihat aset senjata terutamanya. So, saya harap *we go back to that*.

Jadi soalan saya mudah sahaja. Bahawa saya harap apa yang dilakukan dan dilaporkan tadi ekoran daripada Laporan Ketua Audit Negara yang saya fikir satu tindakan yang baik, kalau ia baik sebagaimana Tuan Pengerusi sebut tadi, aset katakanlah, tidak sebut *asset lost monitoring system*, *just said asset monitoring system*, kalau sistem itu baik, jabatan-jabatan kerajaan lain, bukan Polislah

maknanya, *why we don't adopt a common system* ataupun *common basic system for all government department?*

■1240

Kalau ini baik dan berjalan dengan efektif *in actual monitoring asset of* kementerian lain, yang saya pun bersetuju, mungkin lebih jumlahnya kalau dikaji dan diaudit sepenuhnya. So, saya hendak komenlah, Polis akan ambil tindakan yang positif. Terima kasih.

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya memang kita ada bincangkan nama itu, PALMS itu tetapi untuk *this period*, kita hendak *highlight* betapa pentingnya pengurusan aset yang betul. Jadi, supaya *everybody* di daerah, di balai, di mana-mana tahu- ini sistem "*loss asset*". Jadi, biar masing-masing faham betul-betul. Kemudian, *when we have this*, yang saya cakap tadi, keseluruhan sistem itu, *of course we will not name it PALMS anymore*. Kita harap tidak akan berlaku lagi kehilangan-kehilangan dan sebagainya...

**Datuk Seri Reezal Merican:** *It can be 'pams' but without 'L'*,

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** Ya

**Datuk Seri Reezal Merican:** *Without 'L' it can be pams... [Ketawa]*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, saya pun pernah ada dengan tentera, SLR dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** *You pakai you punya... [Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Dia sudah tahu, Tuan Pengerusi ini SLR, apa pun dia sudah tahu. *[Ketawa]* Apa masalahnya... *[Disampuk][Ketawa]* Sudah ketinggalan zaman, senjata baru sekarang ini. Tan Sri, saya bergembira Tan Sri sudah mengambil tindakan dan saya berharap tindakannya akan berkesan. Cuma dengan ICT *accrual accounting* dan sebagainya memang baik tetapi ada kelemahan juga. Canggih macam mana pun seperti MH370 pun berlaku juga.

Saya hendak tanya Tan Sri, mengapa ini boleh berlaku di Bukit Aman dan bukan di tempat lain? Saya dapati imej Bukit Aman misalnya di Taman Botani kita ini, Lake Garden ini, ada kegiatan penjenayah juga. Sampai orang kata "*Bukit Aman apa ini, dekat dengan Bukit Aman pun berlaku juga*". Jadi apakah masalah? Kalau berlaku di tempat kita, boleh terima juga tetapi di pusat.

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** Yang Berhormat, namanya pun pusat. Bukit Aman *handles everything*. Dalam apa juga situasi ketenteraman awam dan sebagainya, jadi stor kita di Bukit Aman menjadi *the main storage point*. So, *in and out of all assets particularly weapon* ini memang di Bukit Aman lah yang paling banyak sekali pergerakan senjata api keluar-masuk dan sebagainya.



Seperti mana saya cakap awal-awal tadi, saya mengakui bahawa kelemahan *supervision* itu berlaku Yang Berhormat. Jadi, begitu juga dengan ketiadaan satu sistem yang betul-betul mantap, yang kita boleh *apply* dalam kita merekod senjata ini keluar-masuk kerana ini, *all depends on* manusia. Ada manusia yang lemah sedikit dan di situlah kelemahan-kelemahan yang telah kita kenal pasti dan inilah antara pembetulan, pembaikan yang saya benar-benar ingin melihat.

*Of course* Bukit Aman *is going to be- because it is right under my nose and I am sure I will be watching* pematuhan apa juga arahan yang telah dikeluarkan dan yang dibuat di peringkat Bukit Aman Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Tan Sri saya hendak tambah sedikit mengenai latihan yang diberikan kepada pegawai. Tadi ada pandangan kita, pandangan daripada PAC yang mengatakan bahawa mungkin kelemahan sistem lama dan juga akan ada sistem baru, kalau sumber manusia itu menjadi masalah. Maknanya, pengendalian atau pengisian data dan sebagainya adalah dilakukan oleh *uniform personel*. Ada pandangan yang mengatakan bahawa *uniform personel* ini tidak cekap untuk hendak memastikan bahawa pengisian data dan *record keeping* dan sebagainya ini dapat dibuat dengan baik. Oleh sebab itu ada masalah mengenai perselisihan di antara rekod di balai polis dan rekod yang didapatkan oleh Jabatan Audit Negara.

Jadi, ada pandangan mengatakan bahawa perlu adanya Pegawai Tadbir daripada luar Polis untuk buat kerja dan ditempatkan di balai polis, di IPD dan sebagainya untuk buat kerja rekod ini. Akan tetapi bagi saya, perkara itu boleh dibuat oleh *uniform officer*. Tidak susah pun benda itu. Hanya perlu *training*, diberi latihan. Sekarang ini latihan yang diberikan oleh Bukit Aman kepada pegawai yang hendak buat rekod aset ini, adakah ia dibuat oleh *your internal officer* ataupun daripada pihak luar?

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** Yang Berhormat, di peringkat Bukit Aman, PDRM kita ada Unit IT kita sendiri. Memang tentang siapa yang patut menjaga rekod ini pernah dibincangkan dulu. Kita pernah ada perbincangan tentang 'pengawaman' beberapa *post* dalam pasukan ini. Akan tetapi kami merasakan dalam mengurus aset, *particularly* senjata api, *we still need the uniform people to handle it*. Bukan orang awam kerana mereka lebih tahu, lebih pakar dalam memastikan apa yang keluar dan apa yang masuk. Takut nanti kalau kita ambil orang awam, dia pun tidak tahu ada benda-benda atau *gadget* daripada senjata itu yang sudah tidak ada. Jadi, oleh kerana itu kita memutuskan bahawa *the uniform people will do it*.

Akan tetapi untuk latihan, kita ada Pusat Latihan Teknikal di Bakri, Muar. *So, this is where* kita latih semua kakitangan kita ini berkenaan dengan perkara-perkara IT, teknikal dan sebagainya. Pusat Latihan Teknikal di Bakri, Muar itu memang khusus untuk *technical training school*. Jadi, latihan ini memang kita terus-menerus berikan kepada pegawai yang baru. Kita ada wujudkan *in-service training*

untuk kita memastikan peraturan-peraturan ataupun arahan-arahan yang telah dikeluarkan ini dipatuhi sepenuhnya.

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak tahulah, mungkin sekarang ini tidak jadi masalah. Akan tetapi dulu kan ada polis memberikan latihan ataupun memberikan peluang kepada pegawainya untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan sebagainya. Adakah perkara itu masih lagi dijalankan dalam PDRM?

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** Masih Yang Berhormat. Kita masih menghantar pegawai-pegawai kita ke luar negara. *Particularly* kalau dalam senjata api ini kita hantar mereka kepada syarikat-syarikat senjata api yang besar-besar dalam hal-hal pengurusan senjata api itu sendiri. Memang ramai sekarang pegawai kita telah mempunyai kelulusan- *paper qualification* yang baik dalam kita memastikan kepakaran itu...

**Tuan Pengerusi:** Adakah mereka tidak meninggalkan PDRM selepas mereka mendapat latihan?...

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** Kita tambat dia.

**Tuan Pengerusi:** Ya?

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** Kita tambat dia dengan kontrak, tidak bagi dia keluar.

**Tuan Pengerusi:** Tambat dia... [*Ketawa*] Kalau tidak rugilah, kita telah latih dan selepas itu dia guna kecekapan di luar.

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** Biasanya JPA memang, mana yang kita hantar kursus macam *pilot* kita, semua itu memang kita tambat dengan kontrak.

**Tuan Pengerusi:** Fasal *PDRM is specialize part of government. So, it should not be treated as administrative function.*

Satu lagi saya hendak tanya adalah mengenai proses pengenalan aset dan juga penilaian aset yang akan dijalankan kerana sistem *accrual accounting* ini. Saya hendak minta Tan Sri bagi sedikit penjelasan mengenai, apakah langkah yang diambil untuk mengenal pasti aset ini, mengenal pasti *useful lifenya*, dan apakah tindakan yang diambil untuk pelupusan aset-aset ini? Macam saya dimaklumkan di PDRM, ada masalah mengenai kereta yang sudah umur 15 tahun, yang sepatutnya sudah dilupuskan tetapi masih lagi belum dilupuskan dan masih lagi dipakai.

■1250

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** Yang Berhormat, perkara ini saya sudah bangkitkan kepada pihak kerajaan. Memang tahun ini kalau saya beri contoh MPV sahaja, *mobile petrol vehicle* kita, 60% akan sampai umur bersara. Jika kita tidak ganti, tahun depan akan mencapai 100% umur *condemn MPV* ini. Akan tetapi kita pun memahami keadaan kewangan kerajaan, dan kita mendapatkan peruntukan untuk kita memperbaiki apa yang boleh kita perbaiki dengan tidak berkompromi penugasan kita, *insya-Allah*. Buat masa ini, kalau kita tengok hijau, kuning, merah itu kita dalam keadaan kuninglah Yang Berhormat. Akan tetapi *insya-Allah*, saya tidak akan berkompromi dalam hal-

hal memastikan penugasan kita berjalan lancar, dan ketenteraman awam, keselamatan masyarakat dijaga sepenuhnya.

**Tuan Pengerusi:** ...Hendak menuntut dari aspek *financial*. Maknanya sekarang ini adakah kos *maintenance* kereta lebih lagi daripada kos kalau kita beli kereta baru, dan kita *least*...

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** *Yes Sir. In the long run, yes.* Akan tetapi apakah daya, kita terpaksa buat macam itu dahululah sementara ini.

**Tuan Pengerusi:** Apa lagi aset yang memberi ciri-ciri seperti begini?

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** Yang Berhormat, *can I request my Director Logistic* untuk beri penjelasan lebih sedikit tentang perkara ini?

**Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah [Pengarah Jabatan Logistik, PDRM]:** Terima kasih Tan Sri. Yang Berhormat, terima kasih kerana beri ruang. Jadi, sebagaimana yang disebut oleh Tan Sri Ketua Polis Negara tadi, memang benar. Contohnya keadaan MPV kita itu memang banyak yang telah pun melebihi daripada jangka hayatnya.

Tindakan sebenarnya kita sudah ambil bersama-sama dengan pihak Kementerian Dalam Negeri telah pun memanjangkan kepada pihak Kementerian Kewangan supaya kaedah Yang Berhormat sebutkan tadi, memang sudah dicadangkan kepada pihak Kementerian Kewangan dan Kementerian Kewangan sedang menimbang. Kita belum mendapat keputusan. Kita berharap tahun ini kita dapat menggantikan sekurang-kurangnya 200 buah kenderaan dan seterusnya dibuat sehingga selesai untuk makluman Ahli-ahli, kita ada sejumlah 28,000 kenderaan dalam polis ini. Sebanyak 28,000 kenderaan pelbagai jenis tetapi yang kita utamakan buat masa ini Yang Berhormat adalah kereta-kereta MPV iaitu merupakan kenderaan-kenderaan barisan hadapan yang kita perlu sangat untuk berada dalam keadaan *operational* setiap masa. Jadi, yang ini yang kita buat.

Berkaitan dengan pelupusan, memang perkara ini berjalan berterusan bila kita mendaftarkan harta-harta aset kita yang alih dan tidak alih, urusan pelupusan ini memang kita laksanakan tetapi ia kadang-kadang berlaku macam telur dengan ayam Yang Berhormat. Jadi, kalau kita lupuskan, tidak diganti, kita menghadapi masalah kenderaan tidak cukup di bawah. Secara praktikalnya, kadang-kadang hendak hantar orang pergi ke penjara atau ke mahkamah pun kita menghadapi masalah kenderaan kita rosak di tengah jalan. Akan tetapi kalau kita lupuskan, kenderaan tidak ada. Jadi, kadangkala perkara itu berlakulah. Kita memang merayu sangatlah kepada pihak kerajaan supaya perkara ini dapat kita atasi. Jadi, tentang pelupusan itu memang berjalan Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Aset lain yang ada ciri-ciri yang sama dengan kenderaan lain?

**Dato' Pahlawan Zulkifli bin Abdullah:** Aset lain, sama juga. Macam kalau aset tidak alih-bangunan. Kalau kita kira berkenaan bangunan pun bangunan Polis walaupun banyak bangunan baru, kita pun masih banyak lagi balai dan pondok-pondok yang lama, yang mana lebih dari 20 tahun, lebih dari 30 tahun yang kita pun sedang dalam proses pembinaan semula melalui beberapa model

termasuklah model *build, lease and transfer, PFI*, yang lain-lain dan sebagainya. Ini pun berjalan tetapi sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, aset Polis itu besar. Jadi, untuk kerajaan mengambil tindakan pada satu masa, memang kita rasa sukarlah. Ini yang pihak Polis bersama-sama dengan pihak kementerian, kita melihat apa keutamaannya.

Mungkin...

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, sambil kita hendak menyaksikan kehilangan aset boleh diberhentikan, saya hendak bercakap bagi pihak konstabel, bagi pihak DSP, inspektor dan sebagainya. Kadangkala saya nampak di dalam balai itu, komputer itu rosak. Hendak buat apa-apa pun tidak boleh, tinggal satu komputer, kerja banyak dan ini kemudahan-kemudahan untuk Polis biasa ini.

Saya berharap ini dapat diperbaiki dan pihak Audit pun kita mesti mungkin buat siasatan ke atas kemudahan yang kurang seperti komputer di balai-balai dan kemudahan yang lain pun ada, yang tidak cukup, yang lapuk, yang ketinggalan zaman dan sebagainya. Ini untuk kebaikan semualah.

**Dato' Mohamad Khalid bin Haji Shariff:** Terima kasih di atas pandangan-pandangan. Saya pun sebenarnya Yang Berhormat, sebelum ini saya di Kementerian MINDEF... *[Ketawa] [Disampuk]* Lima tahun saya di MINDEF dan sekarang kembali ke KDN dan menjaga PDRM. *Actually*, apa yang macam kenderaan-kenderaan lama itu memang berlaku juga. Kita memang kalau ikut peraturan sepuluh tahun ataupun tempoh tertentu kita akan ini tetapi masalahnya peruntukan tidak membenarkan kita untuk membuat penggantian. Jadi, terpaksa kita meneruskan pembaikan dengan mewujudkan kontrak alat ganti dan sebagainya. Memang kita tunggu-tunggulah cadangan itu tetapi kalau kita hendak ganti secara berterusan sebab sekali macam kereta MPV ini, kalau hendak ganti 4,000 akan membebankan kepada kerajaan.

Jadi, memang kita telah pun bercadang untuk berbincang. Macam MPV ini dibuat oleh Proton. Jadi untuk macam yang Dato' Pahlawan Zulkifli kata tadi, untuk sewaan- *lease*, memang sudah dicadangkan kepada kita untuk mengelakkan beban kepada kerajaan untuk menggantikan sekali gus.

Berkaitan dengan pengurusan aset, memang sekarang ini peringkat kementerian pun mengambil perhatian terutama dengan MySPA ini maknanya aset alih tadi Yang Berhormat, dan memang kita faham PDRM mempunyai aset-aset yang banyak. Jadi, proses itu kami di kementerian membantu mereka untuk mendaftarkan aset-aset termasuk juga yang sekarang ini MySPATA iaitu aset-aset tidak alih macam bangunan-bangunan, macam Dato' Pahlawan Zulkifli kata- balai-balai. Saya ingat di balai-balai polis lagi elok *compare* dengan kem-kem *army* Yang Berhormat tetapi rupanya balai-balai kita lagi menghadapi masalah dari segi pembaikan. Tadi pun kita tahu kekurangan komputer. Kadang-kadang balai-balai sudah lama pakai *Microsoft Word*, masih lagi digunakan dan pihak kementerian kita memahami perkara ini dan kita memberikan bantuan Yang Berhormat.

Jadi, atas pandangan-pandangan tadi, pihak kementerian memang membantu pihak PDRM untuk akruan, maknanya tahun 2015, kita kena laksanakan. Jadi, pendaftaran aset-aset alih dan tidak

alih bagi PDRM ini memang dalam proses untuk dilengkapkan, kita pun ada *target* di peringkat kementerian, Jawatankuasa Aset yang melibatkan jabatan-jabatan di bawah KDN untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Memang kita memantau.

Cuma kita dapat lihat yang tadi dibangkitkan itu isu aset-aset yang hilang itu lambat dilaporkan kepada kita, dan kita menyedari ada kekurangan, kelemahan dalam sistem yang sedia ada dan berdasarkan apa yang dijelaskan oleh Tan Sri tadi, *insya-Allah* kita akan dapat mempertingkatkan lagi pengurusan aset di peringkat PDRM dan seterusnya peringkat kementerian Yang Berhormat. Itu ulasan sayalah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ada pandangan lain?... Kalau tidak ada pandangan lain, saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Dato', Tan Sri di atas pengakuan yang saya rasa begitu menarik. Ini kerana pandangan orang luar kata- Polis ini *arrogant*. Kalau tadi Tan Sri masuk dan Tan Sri kata, "*Kita tidak buat salah*". Itu saya rasa tadi mungkin kita punya prosiding ini jadi lain. Akan tetapi...

**Datuk Seri Reezal Merican:** Tan Sri sudah hantar *intelligent*... [Ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Bila ada pengakuan bahawa ada kelemahan dan kelemahan itu sedang diperbaiki, itu saya rasa memberikan satu imej bahawa Polis ini merupakan- *you are the caring Police force*. Pandangan dari luar ini lain. Pandangan luar orang kata, "*Polis ini arrogant*" dan sebagainya. Akan tetapi kami dalam PAC ini, kami melihat bahawa Polis memang betul-betul telus dan betul-betul *sincere*... [Disampuk] [Ketawa]

**Datuk Seri Reezal Merican:** Ada *disclaimer*kah?

**Tuan Pengerusi:** Kami pun di PAC sebenarnya hendak membantu.

Jadi, tadi isu mengenai kelemahan-kelemahan daripada segi peralatan dan sebagainya boleh kami bawa dalam Dewan dan sebagainya, dalam usaha untuk hendak mempertingkatkan lagi kemampuan PDRM. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' dan Tan Sri kerana telah sudi untuk datang memberikan keterangan kepada kita pada hari ini dan secara peribadi. Saya tidak cakap mengenai orang lain, saya berpuas hati dengan langkah-langkah yang telah diambil oleh Polis. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** Boleh cakap sedikit lagi Yang Berhormat?... Terima kasih banyak Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli semua. Sebenarnya *we were never arrogant*... [Disampuk]

**Tuan Pengerusi:** *People perceive outside, not us.*

**Tan Sri Khalid bin Abu Bakar:** Mungkin kami tegas dalam menjalankan tanggungjawab tetapi tidak sesekali *arrogant*. Saya pun memang banyak dapat kritikan macam itu. Kalau mungkin *arrogant* pun bertempat. *Thank you Sir. Thank you very much* for segala pandangan, teguran yang akan kita beri perhatian sepenuhnya. Terima kasih.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.01 petang.]**



# DOKUMEN PEMBENTANGAN








**Polis Diraja Malaysia**  
*Royal Malaysia Police*

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2012

## PENGURUSAN KEHILANGAN ASET PDRM TAHUN 2010-2012



# SKOP TAKLIMAT



- **PENEMUAN AUDIT** 3
- **RUMUSAN AUDIT** 5
- **TINDAKAN YANG DIAMBIL** 6
- **PENUTUP** 13

# PENEMUAN AUDIT

## STATISTIK KEHILANGAN ASET POLIS DIRAJA MALAYSIA MENGIKUT JENIS DAN BILANGAN BAGI TEMPOH TAHUN 2010 HINGGA 2012

LAPORAN AUDIT

STATUS TERKINI SELEPAS DIKEMASKINI



## PENEMUAN AUDIT

- a. Kehilangan Aset Lewat Dikesan
- b. Kelewatan melaporkan kehilangan kepada Jabatan dan Polis;
- c. Ketua Jabatan lewat menyediakan Laporan Awal kehilangan aset;
- d. Jawatankuasa Penyiasat kes kehilangan aset lewat ditubuhkan;
- e. Jawatankuasa Penyiasat lewat menyediakan Laporan Akhir kehilangan aset;
- f. Urus Setia Kehilangan dan Hapus Kira lewat mengambil tindakan susulan berhubung laporan kes kehilangan aset;
- g. Kelewatan mengambil tindakan di peringkat Kontinjen setelah kelulusan hapus kira oleh Kuasa Melulus;
- h. Kelewatan mengambil tindakan proses surcaj;
- i. Tempat penyimpanan selamat aset tidak disediakan; dan
- j. Ruang penyimpanan aset adalah terhad/sempit.

## **RUMUSAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengurusan kehilangan aset di Ibu Pejabat Polis DiRaja Malaysia dan 3 IPK yang diperiksa adalah kurang memuaskan disebabkan dua faktor utama iaitu:

- i. Kelemahan dari aspek ketidakpatuhan proses kerja; (Laporan Penemuan Audit para 5 (a) hingga 5 (h);
- ii. Kekurangan fasiliti / kemudahan penyimpanan aset. (Laporan Penemuan Audit para 5 (i) hingga 5 (j).

# TINDAKAN YANG DIAMBIL

- Pendekatan yang diambil PDRM untuk mengatasi kelemahan daripada berulang adalah:

- Pembetulan
- Pencegahan
- Punitif

## KELEMAHAN DARI ASPEK PEMATUHAN

### Tindakan Pembetulan :

- I. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Mengenai Kehilangan Aset bagi menyelaras Pengurusan Kehilangan Aset telah bersidang pada 09 Julai 2013 dan tindakan berikut telah diambil:
  - Pendaftaran rekod Unit Jawatankuasa Penyiasat (CE) mengikut seksyen 79(1) Akta Polis 1967 dan Bah. Pengurusan Aset telah diselaraskan.
  - Percanggahan rekod Unit CE dan Laporan Audit telah dikemaskini.
  - Bengkel SOP Kehilangan Aset PDRM akan diadakan pada penghujung April 2014 berdasarkan PTKPN A122 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007.
  - Sistem Kehilangan Aset PDRM iaitu PDRM Asset Loss Monitoring System (PALMS) telah dibangunkan dan dalam peringkat untuk melatih pengguna-penguna di seluruh kontinjen.
  - Pemantapan Unit CE dengan penambahan daripada ASP kepada DSP.
  - Penetapan / penambahan Desk Officer bagi Unit CE.
  - Pemantauan harian dan pemeriksaan aset secara berkala dijalankan melalui Sistem PALMS.

## KELEMAHAN DARI ASPEK PEMATUHAN

### Tindakan Pembetulan :

2. Menjadikan agenda tetap dalam mesyuarat Jawatan Kuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK) PP Bil 5/2007 yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Logistik dan Jawatan Kuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) PP Bil 10/2008 yang dipengerusikan oleh KPN yang diadakan empat kali setahun seperti yang ditetapkan Surat Pekeliling Perbendaharaan.
  - Semua Ketua Kontinjen dan Formasi untuk membuat pemeriksaan fizikal mengikut TPA Bil. 5 Tahun 2007 dan PTKPN A117.
  - Pelaporan berkala mengenai status kes-kes kehilangan aset dan tindakan surcaj / gantirugi serta hapuskira hendaklah dimasukkan agenda mesyuarat untuk pemantauan berterusan.



## KELEMAHAN DARI ASPEK PEMATUHAN

Tindakan Pembetulan :

3. Arahan-arahan pentadbiran PDRM telah dikeluarkan semula sebagai peringatan :

- PTKPN Bahagian C854 – Peraturan Mengurus Kes-kes Kehilangan Dan Menghapus Kira Harta Benda Kerajaan.
- Arahan Jabatan Pengurusan -Laporan Awal Kehilangan Aset Alih Kerajaan bertarikh 22 Mei 2012,
- Arahan Jabatan Logistik Bil. 63 – Keselamatan Senjata Api dan Amunisi bertarikh 20 Jan 2009
- Surat Pengarah Jabatan Logistik – Langkah- langkah mencegah kehilangan gari tangan pasukan (Metallic Single Handcuff) bertarikh 16 Julai 2013.

## Kelemahan dari aspek pematuhan

### Tindakan Pencegahan :

1. PDRM telah membangunkan PDRM Asset Loss Monitoring System (PALMS) dan telah beroperasi 2 Jan 2014. Kursus (TOT) PALMS telah dijalankan pada 5-6 Mac 2014 peringkat PDRM melibatkan 100 Pegawai / PRP / KTA. Road show peringkat kontinjen bermula pada April 2014 sehingga selesai.
2. PDRM telah menubuhkan Jawatankuasa Khas bagi mewujudkan S.O.P Pengurusan Kehilangan Aset di mana ia berada dalam peringkat terakhir untuk *endorsement*.
3. PDRM telah menubuhkan Jawatankuasa Penambahbaikan Pengurusan dan Penggunaan senjata api.
4. Pengurusan PDRM (CE) telah melantik Desk Officer iaitu I DSP, I ASP dan I Insp untuk memantau secara harian.

## KELEMAHAN DARI ASPEK PEMATUHAN

### Tindakan Punitif :

1. Tindakan disiplin/tatatertib diambil terhadap mereka yang gagal mematuhi/melaksanakan arahan dan peraturan yang ditetapkan.

\* Jumlah 87 kes dilaporkan : 54 kes telah diputuskan untuk dikenakan tindakan tatatertib.

2. Tindakan Tataterib dari aspek hukuman buang kerja atau turun pangkat untuk kehilangan senjata api akan diambil di bawah Peraturan 37 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan 2002).

3. Kutipan surcaj / gantirugi yang telah dikutip adalah sebanyak RM29,439.44. (Baki dikutip secara ansuran melalui potongan gaji).

## KEKURANGAN FASILITI / KEMUDAHAN PENYIMPANAN ASET

### Tindakan Pencegahan:

1. Penyediaan ruang penyimpanan item keselamatan yang sesuai dan selamat:

- Bangunan / stor
- Setiap stor senjata di semua IPD baru telah dilengkapi dengan kad akses elektronik dan cctv.
- IPD-IPD lama dalam proses untuk penambahbaikan(pagar, cctv dan kad akses elektronik)

2. Penyediaan kelengkapan

- Pembangunan Sistem Pengurusan Senjata Api
- Pembangunan Sistem (PALMS)
- CCTV
- Kabinet dan rak

## Isu

Kehilangan aset

## Faktor

Kemanusiaan

Fasiliti

## Tindakan

Pembetulan

Pencegahan

Punitif


## Outcome

Kawalan lebih sistematik

Mengurangkan kehilangan aset

Meningkatkan imej PDRM

**SEKIAN,  
TERIMA KASIH.**



## a. Kelewatan Aset Lewat Dikesan

| PARA     | ISU  | STATUS  |
|----------|--|---|
| 24.5.2.2 | <p>Semakan Audit terhadap 88 laporan kes kehilangan aset di Ibu Pejabat PDRM dan 3 IPK mendapati tarikh sebenar kehilangan bagi 15 laporan kes tidak diketahui.</p> <p>Semakan Audit selanjutnya mendapati kehilangan aset berkenaan hanya dikesan semasa pemeriksaan berkala oleh pegawai pemeriksa .</p> | <p>5.2.2-5.2.3</p> <p>15 kes yang dilaporkan telah selesai diambil tindakan pada 5 Dis 2013.</p> <p>Butiran kes seperti di <u>Lampiran</u>.</p> |
| 24.5.2.3 | <p>Buku Daftar Pergerakan Aset tidak dikemaskini dan pemeriksaan berkala tidak dijalankan mengikut ketetapan menyebabkan kehilangan aset lewat dikesan.</p>  | <p>Buku Daftar Pergerakan Aset telah diperiksa dan dikemaskini. ( Buku Daftar adalah berkaitan dengan semakan audit seperti para 24.5.2.2)</p>  |



**TARIKH SEBENAR KEHILANGAN TIDAK DIKETAHUI**

| BIL | NO. BUUKAN CE | STATUS  |
|-----|---------------|---------|
| 1   | 73/2010       | SELESAI |
| 2   | 69/2010       | SELESAI |
| 3   | 80/2010       | SELESAI |
| 4   | 96/2010       | SELESAI |
| 5   | 93/2012       | SELESAI |
| 6   | 93/2010       | SELESAI |
| 7   | 64/2011       | SELESAI |
| 8   | 74/2011       | SELESAI |
| 9   | 73/2011       | SELESAI |
| 10  | 63/2011       | SELESAI |
| 11  | 69/2011       | SELESAI |
| 12  | 66/2011       | SELESAI |
| 13  | 65/2011       | SELESAI |
| 14  | 23/2012       | SELESAI |
| 15  | 26/2012       | SELESAI |





**b. Kelewatan melaporkan kehilangan kepada Jabatan dan Polis**

| PARA        | ISU  | STATUS   |           |      |       |       |     |             |           |   |   |   |   |   |
|-------------|--|--|-----------|------|-------|-------|-----|-------------|-----------|---|---|---|---|---|
| 24.5.3.1    | <p>Pengurusan Proses Kerja Hapuskira Kehilangan Aset – Kehilangan aset lewat dilaporkan kepada Ketua Jabatan.</p> <p>Semakan Audit mendapati terdapat kelewatan dalam membuat laporan kehilangan aset kepada Ketua Jabatan antara 2 hingga 84 hari bagi 9 kes.</p>                     | <p><b>9 kes telah selesai diambil tindakan.</b></p> <p><b>Butiran kes seperti di <u>Lampiran</u>.</b></p> <table border="1"> <tr> <td>BIL. HARI</td> <td>2-4</td> <td>13-33</td> <td>53</td> <td>84</td> </tr> <tr> <td>JUMLAH FAIL</td> <td>3</td> <td>4</td> <td>1</td> <td>1</td> </tr> </table> <p><b>PURATA : 26.5 hari / kes</b></p>                             | BIL. HARI | 2-4  | 13-33 | 53    | 84  | JUMLAH FAIL | 3         | 4 | 1 | 1 |   |   |
| BIL. HARI   | 2-4  | 13-33  | 53        | 84   |       |       |     |             |           |   |   |   |   |   |
| JUMLAH FAIL | 3  | 4  | 1         | 1    |       |       |     |             |           |   |   |   |   |   |
| 24.5.3.2    | <p>Ketua Jabatan/ Pegawai yang berkenaan lewat membuat laporan kehilangan aset kepada polis.</p> <p>Semakan Audit mendapati terdapat kelewatan dalam membuat laporan kehilangan aset kepada polis oleh Ketua Jabatan/ pegawai yang berkenaan antara 2 hingga 241 hari bagi 19 kes.</p> | <p><b>19 kes telah selesai diambil tindakan.</b></p> <p><b>Butiran kes seperti di <u>Lampiran</u>.</b></p> <table border="1"> <tr> <td>BIL. HARI</td> <td>2-14</td> <td>22-35</td> <td>52-91</td> <td>167</td> <td>241</td> </tr> <tr> <td>JUM. FAIL</td> <td>1</td> <td>1</td> <td>7</td> <td>5</td> <td>5</td> </tr> </table> <p><b>PURATA: 57.26 hari / kes</b></p> | BIL. HARI | 2-14 | 22-35 | 52-91 | 167 | 241         | JUM. FAIL | 1 | 1 | 7 | 5 | 5 |
| BIL. HARI   | 2-14   | 22-35  | 52-91     | 167  | 241   |       |     |             |           |   |   |   |   |   |
| JUM. FAIL   | 1  | 1  | 7         | 5    | 5     |       |     |             |           |   |   |   |   |   |




**LEWAT MEMBUAT LAPORAN KEPADA  
KETUA JABATAN**

| <b>BIL</b> | <b>NO. RUJUKAN CE</b> | <b>TEMPOH LEWAT (HARI)</b> |
|------------|-----------------------|----------------------------|
| 1          | CE 64/2011            | 2                          |
| 2          | CE 89/2010            | 3                          |
| 3          | CE 76/2010            | 4                          |
| 4          | CE 79/2010            | 13                         |
| 5          | CE 55/2012            | 20                         |
| 6          | CE 35/2010            | 27                         |
| 7          | CE 33/2011            | 33                         |
| 8          | CE 69/2010            | 53                         |
| 9          | CE 53/2012            | 84                         |



**LEWAT MEMBUAT LAPORAN POLIS**

|    |            |     |
|----|------------|-----|
| 1  | CE 36/2010 | 2   |
| 2  | CE 89/2010 | 2   |
| 3  | CE 86/2012 | 5   |
| 4  | CE 73/2010 | 11  |
| 5  | CE 79/2010 | 14  |
| 6  | CE 17/2012 | 22  |
| 7  | CE 35/2010 | 26  |
| 8  | CE 88/2012 | 27  |
| 9  | CE 73/2011 | 31  |
| 10 | CE 65/2011 | 35  |
| 11 | CE 69/2010 | 52  |
| 12 | CE 63/2011 | 63  |
| 13 | CE 54/2012 | 68  |
| 14 | CE 70/2012 | 73  |
| 15 | CE 55/2012 | 75  |
| 16 | CE 53/2012 | 83  |
| 17 | CE 33/2011 | 91  |
| 18 | CE 37/2012 | 167 |
| 19 | CE 93/2012 | 241 |



## c. Ketua Jabatan lewat menyediakan Laporan Awal kehilangan aset

20

| PARA       | ISU  | STATUS  |           |      |        |      |           |    |   |           |
|------------|--|---|-----------|------|--------|------|-----------|----|---|-----------|
| 24.5.3.3.b | <p>Ketua Jabatan lewat menyediakan Laporan Awal Kew.PA-28.</p> <p>Semakan Audit mendapati Ketua Jabatan lewat menyediakan Laporan Awal Kew.PA-28 iaitu antara 2 hingga 11,154 hari (melebihi 3 tahun) bagi 56 kes.</p> | <p>56 kes telah selesai diambil tindakan.</p> <p>Daripada 56 kes, terdapat 16 kes tempoh lewat melebihi 100 hari:</p> <table border="1" data-bbox="689 250 890 967"> <tbody> <tr> <td>BIL. HARI</td> <td>2-50</td> <td>51-100</td> <td>&gt;100</td> </tr> <tr> <td>JUM. FAIL</td> <td>35</td> <td>5</td> <td><u>16</u></td> </tr> </tbody> </table> | BIL. HARI | 2-50 | 51-100 | >100 | JUM. FAIL | 35 | 5 | <u>16</u> |
| BIL. HARI  | 2-50   | 51-100  | >100      |      |        |      |           |    |   |           |
| JUM. FAIL  | 35   | 5   | <u>16</u> |      |        |      |           |    |   |           |



**LEWAT MENYEDIAKAN LAPORAN AWAL**

|    |             |       |                      |
|----|-------------|-------|----------------------|
| 1  | CE 93/2010  | 100   | SELESAI - 7/7/2013   |
| 2  | CE 55/2012  | 133   | SELESAI - 19/2/2014  |
| 3  | CE 54/2012  | 141   | SELESAI - 19/2/2014  |
| 4  | CE 28/2012  | 176   | SELESAI - 19/2/2014  |
| 5  | CE 66/2011  | 202   | SELESAI - 29/8/2013  |
| 6  | CE 65/2011  | 226   | SELESAI - 7/7/2013   |
| 7  | CE 93/2012  | 262   | SELESAI - 29/8/2013  |
| 8  | CE 16/2010  | 265   | SELESAI - 27/12/2011 |
| 9  | CE 29/2010  | 539   | SELESAI - 29/6/2011  |
| 10 | CE 57/2012  | 542   | SELESAI - 29/8/2013  |
| 11 | CE 33/2011  | 702   | SELESAI - 19/2/2014  |
| 12 | CE 79/2010  | 2398  | SELESAI - 19/2/2014  |
| 13 | CE 80/2010  | 2854  | SELESAI - 19/2/2014  |
| 14 | CE 81/2010  | 3896  | SELESAI - 29/8/2013  |
| 15 | CE 101/2010 | 4504  | SELESAI - 19/2/2014  |
| 16 | CE 104/2010 | 11154 | SELESAI - 12/11/2011 |




## d. Jawatankuasa Penyiasat kes kehilangan aset lewat ditubuhkan

| PARA       | ISU  | STATUS  |           |      |        |      |           |    |   |           |
|------------|--|---|-----------|------|--------|------|-----------|----|---|-----------|
| 24.5.3.4.b | <p>Jawatankuasa Penyiasat Lewat Dilantik.</p> <p>Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Penyiasat lewat dilantik antara 2 hingga 462 hari bagi 58 kes kehilangan aset.</p> | <p>58 kes telah selesai diambil tindakan.</p> <p>Butiran kes seperti di Lampiran.</p> <p>Daripada 58 kes, terdapat 19 kes tempoh lewat melebihi 100 hari:</p> <table border="1" data-bbox="762 286 963 958"> <tbody> <tr> <td>BIL. HARI</td> <td>2-50</td> <td>51-100</td> <td>&gt;100</td> </tr> <tr> <td>JUM. FAIL</td> <td>30</td> <td>9</td> <td><u>19</u></td> </tr> </tbody> </table> | BIL. HARI | 2-50 | 51-100 | >100 | JUM. FAIL | 30 | 9 | <u>19</u> |
| BIL. HARI  | 2-50   | 51-100  | >100      |      |        |      |           |    |   |           |
| JUM. FAIL  | 30   | 9   | <u>19</u> |      |        |      |           |    |   |           |



## JAWATANKUASA PENYIASAT LEWAT DITUBUHKAN

|    |             |     |                      |
|----|-------------|-----|----------------------|
| 1  | CE 32/2012  | 101 | SELESAI – 19/2/2014  |
| 2  | CE 80/2010  | 122 | SELESAI – 19/2/2014  |
| 3  | CE 53/2012  | 142 | SELESAI - 29/8/2013  |
| 4  | CE 43/2012  | 155 | SELESAI - 28/11/2013 |
| 5  | CE 34/2011  | 204 | SELESAI - 17/1/2012  |
| 6  | CE 66/2011  | 205 | SELESAI - 29/8/2013  |
| 7  | CE 65/2011  | 205 | SELESAI - 7/7/2013   |
| 8  | CE 73/2011  | 214 | SELESAI - 28/11/2013 |
| 9  | CE 103/2010 | 220 | SELESAI - 29/8/2013  |
| 10 | CE 81/2011  | 227 | KDN – 25/2/2014      |
| 11 | CE 2/2011   | 286 | SELESAI - 17/12/2013 |
| 12 | CE 64/2011  | 290 | SELESAI - 17/12/2013 |
| 13 | CE 37/2011  | 307 | SELESAI - 29/8/2013  |
| 14 | CE 40/2011  | 353 | SELESAI - 29/8/2013  |
| 15 | CE 12/2011  | 410 | SELESAI – 19/2/2014  |
| 16 | CE 41/2012  | 419 | SELESAI – 19/2/2014  |
| 17 | CE 33/2011  | 429 | SELESAI – 19/2/2014  |
| 18 | CE 27/2011  | 450 | SELESAI - 29/8/2013  |
| 19 | CE 16/2011  | 462 | SELESAI – 19/2/2014  |



## e. Jawatankuasa Penyiasat lewat menyediakan Laporan Akhir kehilangan aset

24

| PARA      | ISU   | STATUS  |           |       |         |         |         |         |         |         |     |           |   |   |   |   |   |   |   |   |
|-----------|---|---|-----------|-------|---------|---------|---------|---------|---------|---------|-----|-----------|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 24.5.3.5  | <p>Laporan Akhir Kew.PA-30 Lewat Dikemukakan Kepada Kuasa Melulus.</p> <p>Semakan Audit mendapati berlaku kelewatan dalam mengemukakan Laporan Akhir Kew.PA-30 kepada Kuasa Melulus antara 2 hingga 833 hari melibatkan 24 kes kehilangan aset.</p> | <p>24 kes telah selesai diambil tindakan.</p> <p><u>Butiran kes seperti di Lampiran.</u></p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL. HARI</th> <th>2-3</th> <th>11-16</th> <th>26-38</th> <th>47-93</th> <th>151-161</th> <th>248-270</th> <th>416-541</th> <th>833</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>JUM. FAIL</td> <td>2</td> <td>2</td> <td>4</td> <td>7</td> <td>2</td> <td>3</td> <td>3</td> <td>1</td> </tr> </tbody> </table> <p>PURATA: 166.5</p> | BIL. HARI | 2-3   | 11-16   | 26-38   | 47-93   | 151-161 | 248-270 | 416-541 | 833 | JUM. FAIL | 2 | 2 | 4 | 7 | 2 | 3 | 3 | 1 |
| BIL. HARI | 2-3   | 11-16   | 26-38     | 47-93 | 151-161 | 248-270 | 416-541 | 833     |         |         |     |           |   |   |   |   |   |   |   |   |
| JUM. FAIL | 2   | 2   | 4         | 7     | 2       | 3       | 3       | 1       |         |         |     |           |   |   |   |   |   |   |   |   |





### LAPORAN AKHIR LEWAT DISEDIAKAN

|    |             |     |                          |
|----|-------------|-----|--------------------------|
| 1  | CE 102/2010 | 2   | SELESAL - JUMPA SEMULA   |
| 2  | CE 34/2010  | 3   | SELESAL - 27/12/2011     |
| 3  | CE 88/2012  | 11  | SELESAL - 19/2/2014      |
| 4  | CE 1/2012   | 16  | SELESAL - 29/6/2012      |
| 5  | CE 80/2010  | 26  | SELESAL - 19/2/2014      |
| 6  | CE 49/2011  | 27  | SELESAL - 30/1/2012      |
| 7  | CE 93/2010  | 32  | SELESAL - 7/7/2013       |
| 8  | CE 17/2012  | 38  | SELESAL - 29/8/2013      |
| 9  | CE 53/2010  | 47  | SELESAL - 7/7/20133      |
| 10 | CE 6/2011   | 57  | SELESAL - 7/7/2013       |
| 11 | CE 101/2010 | 65  | SELESAL - 19/2/2014      |
| 12 | CE 31/2011  | 68  | SELESAL - 29/8/2013      |
| 13 | CE 29/2011  | 73  | SELESAL - 7/7/20131/2013 |
| 14 | CE 55/2011  | 74  | SELESAL - JUMPA SEMULA   |
| 15 | CE 55/2010  | 93  | SELESAL - 17/12/2013     |
| 16 | CE 53/2012  | 151 | SELESAL - 29/8/2013      |
| 17 | CE 3/2011   | 161 | SELESAL - 2/6/2010       |
| 18 | CE 71/2011  | 248 | KDN - 25/2/2014          |
| 19 | CE 65/2011  | 268 | SELESAL - 7/7/2013       |
| 20 | CE 3/2012   | 270 | SELESAL - 29/8/2013      |
| 21 | CE 66/2011  | 416 | SELESAL - 29/8/2013      |
| 22 | CE 41/2012  | 476 | SELESAL - 19/2/2014      |
| 23 | CE 37/2011  | 541 | SELESAL - 29/8/2013      |
| 24 | CE 2/2010   | 833 | SELESAL - 29/8/2013      |




f. Urus Setia Kehilangan dan Hapus Kira lewat mengambil tindakan susulan berhubung laporan kes kehilangan aset

| PARA          | ISU  | STATUS   |           |           |             |         |               |               |    |          |   |       |    |    |   |   |   |         |   |   |   |   |   |      |    |    |   |   |   |          |    |    |   |   |               |  |           |           |          |          |
|---------------|--|--|-----------|-----------|-------------|---------|---------------|---------------|----|----------|---|-------|----|----|---|---|---|---------|---|---|---|---|---|------|----|----|---|---|---|----------|----|----|---|---|---------------|--|-----------|-----------|----------|----------|
| 24.5.3.6.b    | <p>Penyelesaian Tindakan Menghapuskira Aset Yang Hilang Kurang Memuaskan.</p> <p>Semakan Audit terhadap 88 laporan kes kehilangan bagi tempoh 2010 hingga 2012:</p> <p>02 digugurkan (telah dijumpai semula)<br/>                     12 telah mendapat kelulusan Hapuskira<br/>                     42 kes belum mendapat kelulusan Kuasa Melulus.<br/>                     32 kes Laporan Akhir belum disediakan</p> <p>Jumlah keseluruhan diperiksa =88 kes</p> | <p>Setelah disemak, jumlah sebenar adalah 87 kes di mana CE 26/2012 telah direkodkan 2 kali. Status terkini :</p> <table border="1" data-bbox="646 235 1061 985"> <thead> <tr> <th rowspan="2">BIL.</th> <th rowspan="2">KONTINJEN</th> <th rowspan="2">JUMLAH FAIL</th> <th rowspan="2">SELESAI</th> <th colspan="2">BELUM SELESAI</th> </tr> <tr> <th>CE</th> <th>ASET KDN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>JOHOR</td> <td>20</td> <td>20</td> <td>-</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>B. AMAN</td> <td>9</td> <td>8</td> <td>-</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>K. L</td> <td>23</td> <td>22</td> <td>-</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>4</td> <td>SELANGOR</td> <td>35</td> <td>34</td> <td>-</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td colspan="2"><b>JUMLAH</b></td> <td><b>87</b></td> <td><b>84</b></td> <td><b>0</b></td> <td><b>3</b></td> </tr> </tbody> </table> | BIL.      | KONTINJEN | JUMLAH FAIL | SELESAI | BELUM SELESAI |               | CE | ASET KDN | 1 | JOHOR | 20 | 20 | - | - | 2 | B. AMAN | 9 | 8 | - | 1 | 3 | K. L | 23 | 22 | - | 1 | 4 | SELANGOR | 35 | 34 | - | 1 | <b>JUMLAH</b> |  | <b>87</b> | <b>84</b> | <b>0</b> | <b>3</b> |
| BIL.          | KONTINJEN  | JUMLAH FAIL  |           |           |             |         | SELESAI       | BELUM SELESAI |    |          |   |       |    |    |   |   |   |         |   |   |   |   |   |      |    |    |   |   |   |          |    |    |   |   |               |  |           |           |          |          |
|               |  |  | CE        | ASET KDN  |             |         |               |               |    |          |   |       |    |    |   |   |   |         |   |   |   |   |   |      |    |    |   |   |   |          |    |    |   |   |               |  |           |           |          |          |
| 1             | JOHOR  | 20   | 20        | -         | -           |         |               |               |    |          |   |       |    |    |   |   |   |         |   |   |   |   |   |      |    |    |   |   |   |          |    |    |   |   |               |  |           |           |          |          |
| 2             | B. AMAN  | 9  | 8         | -         | 1           |         |               |               |    |          |   |       |    |    |   |   |   |         |   |   |   |   |   |      |    |    |   |   |   |          |    |    |   |   |               |  |           |           |          |          |
| 3             | K. L   | 23   | 22        | -         | 1           |         |               |               |    |          |   |       |    |    |   |   |   |         |   |   |   |   |   |      |    |    |   |   |   |          |    |    |   |   |               |  |           |           |          |          |
| 4             | SELANGOR   | 35   | 34        | -         | 1           |         |               |               |    |          |   |       |    |    |   |   |   |         |   |   |   |   |   |      |    |    |   |   |   |          |    |    |   |   |               |  |           |           |          |          |
| <b>JUMLAH</b> |  | <b>87</b>  | <b>84</b> | <b>0</b>  | <b>3</b>    |         |               |               |    |          |   |       |    |    |   |   |   |         |   |   |   |   |   |      |    |    |   |   |   |          |    |    |   |   |               |  |           |           |          |          |



## STATUS FAIL (CE) YANG DIPERIKSA OLEH AUDIT

| ITEM                | TAHUN         | JUMLAH FAIL (CE)<br>DIPERIKSA | STATUS   |               |          |     |
|---------------------|---------------|-------------------------------|----------|---------------|----------|-----|
|                     |               |                               | SELESAI  | BELUM SELESAI |          |     |
|                     |               |                               |          | CE            | ASET     | KDN |
| S/API               | 2010          | 12                            | 0        | 0             | 0        |     |
|                     | 2011          | 4                             | 0        | 0             | 1        |     |
|                     | 2012          | 5                             | 0        | 0             | 0        |     |
|                     | <b>JUMLAH</b> | <b>21</b>                     | <b>0</b> | <b>0</b>      | <b>1</b> |     |
| GARI                | 2010          | 3                             | 0        | 0             | 0        |     |
|                     | 2011          | 9                             | 0        | 0             | 0        |     |
|                     | 2012          | 3                             | 0        | 0             | 0        |     |
|                     | <b>JUMLAH</b> | <b>15</b>                     | <b>0</b> | <b>0</b>      | <b>0</b> |     |
| KENDERAAN           | 2010          | 3                             | 0        | 0             | 0        |     |
|                     | 2011          | 8                             | 0        | 0             | 1        |     |
|                     | 2012          | 5                             | 0        | 0             | 1        |     |
|                     | <b>JUMLAH</b> | <b>16</b>                     | <b>0</b> | <b>0</b>      | <b>2</b> |     |
| LAIN-LAIN           | 2010          | 14                            | 0        | 0             | 0        |     |
|                     | 2011          | 8                             | 0        | 0             | 0        |     |
|                     | 2012          | 13                            | 0        | 0             | 0        |     |
|                     | <b>JUMLAH</b> | <b>35</b>                     | <b>0</b> | <b>0</b>      | <b>0</b> |     |
| <b>JUMLAH BESAR</b> |               | <b>87</b>                     | <b>0</b> | <b>0</b>      | <b>3</b> |     |



## g. Kelewatan mengambil tindakan di peringkat Kontinjen setelah kelulusan hapus kira oleh Kuasa Melulus 28

| PARA       | ISU  | STATUS   |
|------------|--|--|
| 24.5.3.6.c | <p>Bagi 12 laporan kes kehilangan yang telah mendapat kelulusan hapus kira, 7 kes dikaitkan dengan kecuaiian pegawai/ anggota dan disyorkan untuk tindakan tatatertib dan surcaj.</p> <p>Semakan mendapati 3 kes belum diambil tindakan surcaj walaupun kelulusan hapuskira telah diperolehi daripada Kuasa Melulus dan didapati Suruhanjaya Pasukan Polis hanya memberi kelulusan tindakan surcaj yang mengambil masa 11 hingga 19 bulan.</p> <p>Pada pendapat Audit, pematuhan kepada penetapan norma masa proses kerja hapus kira kehilangan aset adalah penting untuk mengenalpasti punca kehilangan aset dengan segera dan langkah yang perlu untuk mencegah daripada berulang.</p> | <p>3 kes telah selesai diambil tindakan surcaj:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. CE46/2010 : surcaj RM523.80 dikutip pada 16/4/2013.</li> <li>2. CE51/2010 : surcaj RM4574.00 dikutip pada 29/11/2013 melalui potongan gaji.</li> <li>3. CE34/2010 : surcaj RM1390.00 dikutip pada 19/11/2013.</li> </ol> |



| BIL | NO. CE                             | ITEM      | KEPUTUSAN   | STATUS T/TERTIB  | STATUS SURCAJ/<br>GANTIRUGI   | STATUS HAPUSKIRA    |
|-----|------------------------------------|-----------|---|--|---|---------------------|
| 1.  | KPN(PR)42/<br>2/3093 CE<br>46/2010 | SENJATAPI | <b>ASP G/13938 AGAN<br/>JAWA BIN ABDULLAH -</b><br>surcaj RM523.80 &<br>tindakan tatatertib -<br>29/9/2010      | DALAM<br>TINDAKAN - (PR)<br>KL/KST69/2010 DI<br>BAWAH PER. 37<br>PPPA 1993 OLEH<br>SPP | Surcaj telah dibayar<br>pada 16/4/2013 No.<br>Resit 00000813000345<br>berjumlah RM523.80  | MOF -<br>27/12/2011 |
| 2.  | KPN(PR)42/<br>2/3098 CE<br>51/2010 | KAMERA    | <b>KPL. 98475<br/>GUNASEGARAN A/L</b><br>APPU - surcaj<br>RM4,574.00 -<br>30/12/2010                            | TB   | DALAM PROSES<br>KUTIPAN GANTIRUGI<br>MELALUI POTONGAN<br>RM100.00 SEBULAN<br>SETELAH RAYUAN<br>BAYARAN ANSURAN<br>RM100.00 SEBULAN<br>DITERIMA OLEH<br>PENGARAH<br>PENGURUSAN | IGP -<br>29/6/2011  |
| 3.  | KPN(PR)42/<br>2/3081 CE<br>34/2010 | SENJATAPI | <b>L/KPL. 86595 KAMISAN<br/>BIN AHMAD - surcaj<br/>RM1,390.00 &amp;<br/>tindakan tatatertib -<br/>18/8/2010</b> | AMARAN-<br>27/11/2012  | BAYARAN TUNAI RM<br>1,390.00  | MOF -<br>27/12/2011 |



## h. Kelewatan mengambil tindakan proses surcaj

| PARA     | ISU   | STATUS  |
|----------|---|---|
| 24.5.1.4 | <p>Laporan statistik kes yang dikenakan tindakan surcaj untuk tempoh tahun 2010 hingga 2012 yang dikemukakan 30 kes kehilangan telah diputuskan supaya surcaj berjumlah RM63,346 dikenakan yang melibatkan Ibu Pejabat PDRM dan 3 IPK yang dilawati tetapi hanya RM 6,879 yang telah dikutip sehingga akhir tahun 2012.</p> | <p>5.1.4<br/>Tindakan telah diambil:<br/><br/>Jumlah kutipan surcaj / gantirugi yang telah dikutip adalah sebanyak <u>RM29,439.44</u>.<br/><br/>Baki dikutip secara ansuran melalui potongan gaji sabjek.</p> |



# Kedudukan Jumlah Surcaj / Ganti Rugi 87 Fail Yang Diperiksa Oleh Audit

**GANTI RUGI/ SURCAJ BELUM BAYAR = RM 115,068.04**


**GANTI RUGI/ SURCAJ TELAH DIBAYAR = RM 29,439.44**

**DALAM PROSES PEMOTONGAN = RM 20,333.83**

**JUMLAH**

-----  
**RM 164,841.31**

=====



## i. Tempat penyimpanan selamat aset tidak disediakan

| PARA          | ISU   | STATUS  |
|---------------|---|---|
| 24.5.4.2.b.i  | Balai Polis Taman Pelangi, Johor stor senjata api tidak mempunyai dinding sesekat daripada besi bagi memisahkan kaunter penerimaan dan penyerahan senjata. Senjata api beserta peluru hanya disusun di atas meja di dalam bilik stor.   | Stor senjata telah dipindahkan ke sebuah bilik tingkat 1 Balai Polis Taman Pelangi yang diubahsuai dengan pintu besi dan grill bulan Ogos 2013.<br><br><u>Gambar seperti di Lampiran.</u>                       |
| 24.5.4.2.b.ii | Balai Polis Senai, Johor sebanyak 4 unit walkie talkie diletakkan di ruang terbuka dalam kawasan pejabat pentadbiran Balai Polis bersebelahan mesin fotostat dan berhampiran dengan kaunter pertanyaan orang awam untuk memudahkan pegawai/anggota mengemas bateri alat tersebut. | Bilik maklumat balai sedang diubahsuai dan dijangka siap pada bulan Mac 2014 untuk dijadikan bilik kawalan CCTV dan walkie talkie akan ditempatkan di bilik tersebut.<br><br><u>Gambar seperti di Lampiran.</u> |









# Balai Polis Taman Pelangi, Johor



33


Stor senjata api yang diubahsuai lengkap dengan pintu besi dan grill.

| PADA         | SEBELUM  | SELEPAS   |
|--------------|--|---|
| 24.5.4.2.b.i |   |   |
|              |  |  |

# Balai Polis Senai, Johor


Bilik maklumat sedang diubahsuai untuk dijadikan Pusat Kawalan CCTV dan ruang simpanan walkie talkie.

| PADA          | SEBELUM  | SELEPAS  |
|---------------|--|--|
| 24.5.4.2.b.ii |  |  |



## i. Tempat penyimpanan selamat aset tidak disediakan

| PAPA          | ISU   | STATUS   |
|---------------|---|--|
| 24.5.4.2.b.iv | <p>Lawatan Audit di Balai Polis Taman Pelangi, Johor mendapati Balai Polis tersebut terletak dikawasan deretan kedai, tidak mempunyai CCTV dan tidak mempunyai tempat yang berpagar bagi meletak 14 unit motosikal dan 2 unit kereta di bawah tanggungjawabnya.</p> | <p>CCTV telah dipasang di bahagian belakang, dalam dan hadapan Balai Polis pada bulan Ogos 2013.</p> <p><u>Gambar seperti di Lampiran.</u></p> |



# Balai Polis Taman Pelangi, Johor




CCTV telah dipasang di hadapan, dalam dan belakang balai selepas teguran audit.

PARA

SEBELUM

SELEPAS

24.5.4.2.b.ii




## j. Ruang penyimpanan aset adalah terhad/sempit

| PARA           | ISU  | STATUS  |
|----------------|--|---|
| 24.5.4.2.b.iii | <p>Stor senjata di IPK KL dan Selangor, IPD Ampang Jaya dan Balai Polis Trafik Tun H.S Lee mempunyai ruang yang begitu terhad/sempit. Rak senjata api yang disediakan tidak mencukupi.</p> | <p><u>Balai Polis Trafik THS Lee</u> telah menempatkan 1 rak gelongsor baru pada bulan September 2013 untuk simpanan senjata api.</p> <p><u>IPK K.L</u> – stor senjata telah diperbesarkan dengan mengambilalih bilik Pengawal Pengiring yang dipindahkan ke pejabat lain</p> |



# Balai Polis Trafik T.H.S Lee


1 rak gelongsor telah ditempatkan untuk menyimpan senjata api.

| PARA           | STATUS TERKINI  |
|----------------|---|
| 24.5.4.2.b.iii |  |




## IPK K.L.

Stor senjata telah dibesarkan dengan mengambil bilik cawangan pengawal pengiring.

| PARA           | STATUS TERKINI  |
|----------------|---|
| 24.5.4.2.b.iii |  |




# PDRM ASSET LOST MONITORING SYSTEM (PALMS)





# REKABENTUK SISTEM



# PALMS Contoh Skrin

Kes dari Sistem PRS yang dirujuk kepada CE untuk mempercepat terimaan repot polis berkaitan kehilangan aset.

24 Februari 2014 , Ahad, Masa : 3:28 PM

Utama Senarai Laporan Baru

MENU PENGGUNA

↑ Utama

📌 Laporan Baru 115

☰ Senarai Kes

Keseluruhan 115

Untuk Tindakan 0

Dalam Tindakan 0

Selesai 0

Bukan Kes CE

📶 Laporan

👤 Pengguna

Senarai Laporan Baru *Laporan yang diterima daripada sistem PRS*

Papar 10 Senarai

| Bil | No. Repot Polis          | Tarikh Repot | Rectangula<br>Kandungan Repot |
|-----|--------------------------|--------------|-------------------------------|
| 1   | TENANG/00009714          | 03/02/2014   | PADA 2/2/2014 JAM             |
| 2   | PARIT<br>SULONG/00021814 | 06/02/2014   | PADA 22/1/2014 JAM            |
| 3   | MASAI/00055914           | 29/01/2014   | PADA 28/01/2014 JAM           |
| 4   | PASIRGUDANG/00013514     | 07/01/2014   | PADA 06/01/2014 JAM           |

**Jumlah kes baru dari PRS yang dirujuk kepada CE**

# PALMS Contoh Skrin

Contoh senarai kes kehilangan aset mengikut tarikh, status dan tindakan oleh pihak siapa.

24 Februari 2014 , Ahad Masa : 3:23 PM

Utama Senarai Laporan Baru

MENU PENGGUNA

Utama

Laporan Baru 115

Senarai Kes

Keseluruhan 115

Untuk Tindakan 0

Dalam Tindakan 0

Selesai 0

Bukan Kes CE

Laporan

Pengguna

Senarai Laporan Baru











Laporan yang ditrima daripada sistem PRS

SENARAI REPORT

PETUNJUK : PAPAR REPOT STATUS KES

Papar 10 Senarai

Carian Repot:

| Bil | No. Repot Polis        | Tarikh Repot | Kandungan Repot                                 | Status Semasa | Tindakan   | Kontinjensi Daerah              | Aktiviti  |
|-----|------------------------|--------------|---|---------------|------------|---------------------------------|---|
| 1   | TENANG/000097/14       | 03/02/2014   | PADA 2/2/2014 JAM LUKURANG 1207 HRS SEMASA ...  | Laporan Baru  | Pegawai CE | JOHOR / SEGAMAT                 |    |
| 2   | PARIT SULONG/000218/14 | 06/02/2014   | PADA 22/1/2014 JAM LEBIH KURANG 4.50 PETANG ... | Laporan Baru  | Pegawai CE | JOHOR / BATU PAHAT              |   |
| 3   | MASAI/000559/14        | 29/01/2014   | PADA 28/01/2014 JAM LUKURANG 0006 HRS, SEMA...  | Laporan Baru  | Pegawai CE | JOHOR / IPD JOHOR BAHRU SELATAN |   |
| 4   | PASIRGUDANG/000135/14  | 07/01/2014   | PADA 06/01/2014 JAM LUKURANG 0500 HRS, SEMA...  | Laporan Baru  | Pegawai CE | JOHOR / IPD JOHOR BAHRU SELATAN |   |
| 5   | PPUTH/000019/14        | 03/01/2014   | PADA 31/12/2013 SAYA SEBAGAI PENGURUS SUM...    | Laporan Baru  | Pegawai CE | JOHOR / IPD JOHOR BAHRU SELATAN |   |

# PALMS Contoh Skrin

Contoh notifikasi email kepada KPD untuk mengeluarkan KEW.PA-2 yang dijana melalui sistem.

**MOHON MENGELUARKAN BORANG KEW.PA-28 BAGI KES KEHILANGAN ASET ALIH KERAJAAN, LUYANG REPOT. NO LUYANG/0052556/13**

25 February, 2014 4:39 PM

From: pdrm ifba

To: rahmanmad@rmp.gov.my

Assalamualaikum wbt / Salam Sejahtera / Salam 1 Malaysia

Pertara di atas adalah dirujuk.

2. Bertubung kehilangan aset alih kerajaan berdasarkan laporan polis, LUYANG Report No. LUYANG/0052556/13, Jabatan Pengurusan, Bukit Aman (Unit CE) memohon pihak tuan/puan untuk mengeluarkan borang KEW.PA-28 bagi aset berkaitan.
3. Sila log masuk ke Sistem PALMS di alamat <http://10.160.111.120/palms> untuk mewujudkan rekod KEW.PA-28 di dalam sistem.

4. Mohon perhatian dan tindakan selanjutnya dari pihak tuan/puan.


Sekian, terima kasih.

**Daripada:**

Jabatan Pengurusan, Bukit Aman (Unit Ce)

# PALMS Contoh Skrin

Pemantauan masa yang diambil untuk setiap proses.




Norma masa yang ditetapkan

Tempoh masa yang diambil untuk setiap proses

# PALMS Contoh Skrin

Pemantauan masa yang diambil untuk setiap proses.





POLIS DIRAJA MALAYSIA  
BUKIT AMAN  
50560 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-2266 2222  
Telegram : MALAPOL KUALA LUMPUR  
Telex : PDRM MA 30469  
Fax : 03-2273 1629

KOMISI SELAJARERA KOMITMEN KAMI

Ruj. Kami, KPN 42/2

22 Mei 2012

Seberti Eearon

### LAPORAN AWAL KEHILANGAN ASET ALIH KERAJAAN

Dengan segala hormatnya, izinkan saya merujuk YDH Data' sft/Data' Wira/Datuk/Data' /Tuan berkaitan perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa dalam Mesyuarat Penyelarasn Pengurusan PDRM Bil. 12/2012 Kementerian Dalam Negeri yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KDN pada 4 Mei 2012 di KDN Putrajaya, telah dibangkitkan isu mengenai kelewatan penyediaan laporan kehilangan aset alih kerajaan oleh pihak PDRM.
3. Mengikut Arahan Pekeliling Perbandaraan Bli. 5 Tahun 2007 BAB F (Kehilangan dan Hapuslra), setiap kehilangan Aset Alih Kerajaan yang berlaku, hendaklah dibuat laporan polis dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Di samping itu, Ketua Jabatan hendaklah menyediakan Laporan Awal Kehilangan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) dalam tempoh (2) hari bekerja.

- 3.1. Laporan polis dan KEW.PA-28 tersebut hendaklah dihantar terus kepada pengamat-pengamat berikut:

3.1.1. Pengarah Pengurusan  
U/P: Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran) (K)

3.1.2. Pengarah Jabatan Logistik  
U/P: Timbalan Pengarah 1 Jabatan Logistik (Keb. Araf)





JABATAN LOGISTIK (PERSENIATAAN)  
IBU PEJABAT POLIS DIRAJA MALAYSIA  
BUKIT AMAN  
50560 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-22626722  
Telegram : MALAPOL KUALA LUMPUR  
Faksimili : PDRM MA 30469  
Faks : 03-22626720  
E-mel : pdrpsjt\_ba@rmp.gov.my

Rujukan : KPN (PR) 8/69

Tarikh : 20 Januari 2009

Seperti Edaran

#### **ARAHAN JABATAN LOGISTIK BIL. 63**

#### **KESELAMATAN SENJATA API DAN AMUNISI**

#### **PENDAHULUAN**

